# LAPORAN TAHUNAN BHEUU 2018

## KANDUNGAN


| BIL | TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|---|
| 1 | Perutusan Menteri | 3 |
| 2 | Perutusan Ketua Pengarah BHEUU | 4 |
| 3 | Senarai Agensi | 5 |
| 4 | Carta Pengurusan Tertinggi BHEUU Bersama YB Menteri | 6 |
| 5 | Carta Pengurusan Tertinggi BHEUU | 7 |
| 6 | Sejarah BHEUU | 8 |
| 7 | Visi, Misi Dan Objektif | 10 |
| 8 | Fungsi Dan Piagam Pelanggan | 12 |
| 9 | Carta Organisasi BHEUU | 14 |
| 10 | Seksyen Pembangunan | 15 |
| 11 | Seksyen Dasar | 23 |
| 12 | Seksyen Pengurusan Maklumat | 34 |
| 13 | Seksyen Kewangan | 42 |
| 14 | Seksyen Pengurusan Sumber Manusia | 45 |
| 15 | Unit Komunikasi Korporat | 62 |
| 16 | Puspanita Cawangan Kecil BHEUU | 66 |
| 17 | Jabatan Bantuan Guaman (JBG) | 69 |
| 18 | Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) | 105 |

**PERUTUSAN**
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (UNDANG-UNDANG)**




Salam Sejahtera dan Salam Sayangi Malaysiaku,

Tahun 2018 merupakan tahun yang bersejarah buat seluruh rakyat Malaysia. Tahun 2018 adalah sangat signifikan kerana ia merupakan tahun kemenangan bagi Kerajaan Malaysia Baharu. Kita harus bersyukur bahawa kesejahteraan dan keselesaan rakyat tetap menjadi keutamaan Kerajaan.

Saya amat berbangga dengan kerjasama dan usaha gigih yang dipamerkan oleh semua pihak; terutamanya warga kerja Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI) dalam mencapai kejayaan demi kejayaan melalui aktiviti yang dilaksanakan.

Justeru, saya merakamkan penghargaan atas komitmen dan usaha gigih yang diberikan oleh warga BHEUU, JBG dan MdI dalam menjayakan pelbagai program yang dapat diabadikan dalam Buku Laporan Tahunan ini. Moga-moga segala usaha dan komitmen kita selama menjalankan tugas yang diamanahkan mendapat keredaan Tuhan. Kita juga perlu meneruskan usaha mengamalkan nilai integriti agar sentiasa dapat mengharungi segala cabaran dengan jayanya.

Usaha-usaha bekerja dalam satu pasukan antara BHEUU, JBG dan MdI wajar diteruskan agar mendapat penghasilan yang optimum dan manfaatnya dapat dirasai oleh rakyat jelata. Justeru, penguasaan ilmu pengetahuan, peningkatan kemahiran dan pengamalan ciri-ciri peribadi yang positif bersesuaian dengan tuntutan perubahan persekitaran kerja yang berlaku perlu diamalkan oleh warga kerja.

Semoga penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU 2018 ini dapat memberi gambaran jelas tentang BHEUU, JBG dan MdI secara keseluruhannya. Semua warga BHEUU, JBG dan MdI sama-sama perlu berusaha mencapai kecemerlangan selari dengan hasrat Kerajaan bagi memenuhi kehendak semasa.

Selamat Maju Jaya, teruskan usaha-usaha baik untuk manfaat bersama.

Sekian, terima kasih.

Salam Sayangi Malaysiaku

( DATUK LIEW VUI KEONG )

**PERUTUSAN**
**KETUA PENGARAH BHEUU**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya serta berkat kerjasama semua warga BHEUU, JBG dan MdI berhasil menerbitkan Buku Laporan Tahunan 2018. Buku laporan ini adalah istimewa keranan ia memaparkan aktiviti BHEUU, JBG dan MdI bagi tahun 2018 serta ia dapat dijadikan bahan pengetahuan kepada kita semua.

Syabas dan tahniah kepada sidang pengarang yang terdiri daripada pegawai-pegawai BHEUU, JBG dan MdI yang telah berusaha gigih menyumbangkan idea, tenaga dan masa dalam menerbitkan buku laporan tahunan ini. Penggemblengan usaha dan kerjasama yang dipupuk ini menjadi istimewa dan ia harus diteruskan dalam segala aspek tugasan dalam memartabatkan perkhidmatan awam.

Saya berharap usaha-usaha kerja berpasukan semua warga BHEUU, JBG dan MdI dapat diteruskan dari semasa ke semasa bagi menggapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Moga-moga kita sama-sama menjadi warga kerja yang berdaya saing, berintegriti dan berpengalaman luas untuk terus maju.

Selamat berbakti kepada organisasi dan negara. Semoga sumbangan kita semua diterima sebagai amal jariah jua.

Sekian, terima kasih.



**( DATUK JALIL BIN MARZUKI )**

## SENARAI AGENSI

## MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Insolvensi Malaysia

Jabatan Bantuan Guaman

Lembaga Penasihat

Parlimen Malaysia

Biro Tatanegara (BTN)

Pusat Timbangtara Serantau, Kuala Lumpur (KLRCA)

Urusan Parlimen - Urusan Mesyuarat Dewan Rakyat dan Dewan Negara

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP)

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan

Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri

Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman

**PENGURUSAN TERTINGGI BHEUU**

**BERSAMA MENTERI**



## PENGURUSAN TERTINGGI BHEUU



**SEJARAH**

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG UNDANG**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) telah ditubuhkan pada 8 Mei 1995 selepas pembubaran Kementerian Undang-Undang Malaysia. Pada waktu itu, Bahagian ini terdiri daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP), Biro Bantuan Guaman, Jabatan Pemegang Harta, dan Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka. Walau bagaimanapun, mulai 1 Ogos 1995, Jabatan Pemegang Amanah dan Pentadbir Pusaka telah diperbadankan dan dikenali sebagai Amanah Raya Berhad. Susulan itu, keseluruhan pentadbiran agensi berkenaan telah terkeluar dari BHEUU melainkan perkara-perkara berkaitan pewartaan para pegawai Amanah Raya bagi tujuan kehadiran di mahkamah.

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan juga berpisah dari pentadbiran BHEUU pada 1 Julai 1996. Walaupun telah berpisah dari BHEUU, Unit Perancangan dan Pembangunan Mahkamah di PKPMP telah menjadi salah satu cawangan utama di BHEUU bermula 16 April 2003.

Jabatan Pemegang Harta kemudiannya telah bertukar nama kepada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) pada 1 Oktober 2003, berikutan dengan pindaan Akta Kebankrapan 1967. Mulai Oktober tahun 2009, Jabatan Insolvensi Malaysia telah dikenali secara rasminya sebagai Malaysia Department of Insolvency (MdI).

Dalam pada itu, mulai 16 Januari 2010, Biro Bantuan Guaman dikenali sebagai Jabatan Bantuan Guaman (JBG). Sebahagian daripada proses reformasi yang telah diperkenalkan oleh Jabatan ini ialah menghapuskan salah faham masyarakat terhadap Biro Bantuan Guaman yang selalu dirujuk sebagai Biro Pengaduan Awam, salah satu unit di bawah seliaan Majlis Peguam. Pertukaran nama ini perlu bagi mencerminkan perkembangan dan perluasan JBG di seluruh Malaysia.

BHEUU merupakan sekretariat kepada Mesyuarat Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh Yang di-Pertuan Agong untuk kes-kes di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, serta untuk kes-kes keselamatan di seluruh negara. Bermula tahun 2006, BHEUU juga menjadi agensi yang memantau dan menyelaras urus setia Mesyuarat Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri.

Berdasarkan keputusan Kabinet pada 8 April 2004, BHEUU telah mengambil alih peranan sebagai sekretariat kepada Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) daripada Kementerian Luar Negeri. BHEUU bertanggungjawab untuk membantu YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri dalam urusan pelantikan ahli-ahli suruhanjaya dan mengemukakan laporan maklumbalas kementerian terhadap laporan tahunan SUHAKAM.

# BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG UNDANG

## VISI

Peneraju terulung kepada kecekapan dan keberkesanan pentadbiran keadilan Negara

## MISI

Memperkasakan sistem pentadbiran keadilan Negara melalui penyediaan prasarana dan dasar berkaitan perundangan

## MOTO

"HAK DIHORMATI, KESTABILAN DIKECAPI"

## OBJEKTIF

1. Merancang, melaksana dan memantau projek pembangunan BHEUU, JBG, Mdl dan Mahkamah mengikut piawaian yang ditetapkan.
2. Menguatkuasakan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952.
3. Mengoptimumkan keberkesanan dan kecekapan penggunaan sistem ICT di BHEUU, JBG, Mdl dan Mahkamah.
4. Memperkasakan ketelusan tadbir urus kewangan dan ICT.
5. Memperkasakan sumber manusia dan kecekapan pengurusan khidmat korporat.
6. Membangunkan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia yang lengkap dan komprehensif.
7. Menyelaras proses pengampunan bagi kes-kes rayuan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan, Putrajaya dan memantau status kes-kes pengampunan di negeri-negeri.
8. Menyelaras dan memantau penguatkuasaan Akta-Akta yang dipertanggungjawabkan kepada BHEUU.
9. Mengurusetiakan:
    - pelantikan anggota Jawatankuasa Pemilihan dan anggota SUHAKAM serta penyelarasan penyediaan buku Maklum Balas Kerajaan Terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM;
    - pelantikan penasihat mahkamah bagi kanak-kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611); dan
    - pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (PTSKL)/ (KLRCA).

**FUNGSI**

1. Urus setia Lembaga Pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong bagi kes-kes di Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.
2. Memantau kedudukan perkara pengampunan di tiap-tiap Negeri.
3. Perancangan dan pembangunan projek mahkamah, Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dan Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI).
4. Pentadbiran Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] termasuk perkara berkaitan dengan pendaftaran dan pemantauan perbadanan-perbadanan pemegang amanah.
5. ‘*Focal Agency*’ bagi pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan (NHRAP).
6. Pelantikan anggota, Pelantikan Jawatankuasa Pemilihan dan penyelarasan maklum balas Kerajaan terhadap Laporan Tahunan SUHAKAM.
7. Pelantikan penasihat Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611].
8. Pelantikan Pengarah Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur (KLRCA).
9. Penyelarasan Penguatkuasaan Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007 [Akta 676].
10. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]; dan
11. Penyelarasan Pelaksanaan Akta Pengantaraan 2012 [Akta 749].

## PIAGAM PELANGGAN

Kami bertekad & berjanji:

1. Menjawab cadangan, pertanyaan dan aduan pelanggan dalam tempoh 3 hari bekerja daripada tarikh diterima;
2. Pemberitahuan kelulusan awal dikeluarkan dalam tempoh 21 hari daripada tarikh semakan PUU lengkap dan memenuhi keperluan Akta 258 diterima;
3. Membayar bil dan tuntutan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh dokumen lengkap diterima;
4. Penyaluran Waran Peruntukan Pembangunan (DE) dibuat kepada agensi pelaksana dalam tempoh tiga (3) hari bekerja daripada tarikh kelulusan peruntukan;
5. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi komputer 30 dengan kebolehcapaian tidak kurang 99 %.

CARTA ORGANISASI BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG, JPM





## SEKSYEN PEMBANGUNAN

Merancang dan membangunkan infrastruktur dan prasarana mahkamah serta mencetuskan inisiatif baru bagi penambahbaikan dalam sistem penyampaian pentadbiran kehakiman negara berteraskan kehendak Kerajaan dan keperluan masyarakat

# 1. PEMBANGUNAN MAHKAMAH

Pada tahun 2018, BHEUU telah meneruskan pelaksanaan projek-projek pembinaan bangunan mahkamah selaras dengan kelulusan yang diterima di bawah *Rolling Plan* ketiga dan keempat (RP3 dan RP4) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

BHEUU telah menerima kelulusan permohonan projek baharu di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11). Projek tersebut ialah Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor yang pembinaannya dijangka bermula pada Mei 2019.

Berikut adalah senarai projek pembangunan mahkamah yang dilaksanakan oleh BHEUU bagi tahun 2018:

## 1.1. PROJEK MAHKAMAH DALAM PEMBINAAN

### 1.1.1 Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu dibina di atas tanah seluas 6.73 ekar di Bandar Baharu Tunjong, Kota Bharu, Kelantan.

Projek ini melibatkan pembinaan mahkamah baharu yang mengandungi 13 bilik bicara iaitu tiga (3) Mahkamah Tinggi, lima (5) Mahkamah Sesyen dan lima (5) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 1 April 2019 iaitu setahun lebih awal daripada tarikh jangkaan siap projek.



Cadangan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan telah mencapai 86%

### 1.1.2 Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis

Pembangunan mahkamah baharu di Kangar, Perlis adalah bagi menggantikan mahkamah sedia ada yang tidak lagi dapat menampung keperluan semasa. Tapak projek ini merupakan bekas tanah sawah seluas sembilan (9) ekar yang terletak di Mukim Seriab, Kangar, Perlis.

Pembinaan Mahkamah Baharu Kangar, Perlis melibatkan pembinaan bangunan baharu tiga (3) tingkat mengandungi lima (5) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Tinggi, dua (2) Mahkamah Sesyen dan dua (2) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 13 Mei 2019.




Cadangan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan Kompleks Mahkamah Baharu Kangar, Perlis telah mencapai 26%

### 1.1.3 Mahkamah Baharu Ampang, Selangor

Bangunan baharu akan dibina di Bandar Ampang, Hulu Langat dengan keluasan tanah 2.558 ekar.

Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baharu yang mengandungi sepuluh (10) bilik bicara iaitu empat (4) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret. Projek ini dijangka siap pada 9 September 2019.



Cadangan Rekabentuk Mahkamah Baharu Ampang, Selangor



Kemajuan kerja fizikal di tapak pembinaan mahkamah

## 1.2. PROJEK MAHKAMAH DALAM PERANCANGAN

### 1.2.1. Kompleks Mahkamah Baharu Johor Bahru, Johor

Skop projek ini melibatkan pembinaan sebuah bangunan baharu yang mengandungi 20 bilik bicara iaitu enam (6) Mahkamah Tinggi, lapan (8) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret.

## 1.3. PROJEK SIAP SEPENUHNYA

### 1.3.1. Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah

Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu didirikan di atas tanah seluas 6.25 ekar di Jalan Shariff Osman *off* Jalan Kolam, Kota Kinabalu, Sabah. Projek yang bermula pada 22 Julai 2014, telah siap sepenuhnya pada 28 April 2018.

Skop projek melibatkan 16 bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Persekutuan, tiga (3) Mahkamah Tinggi, enam (6) Mahkamah Sesyen dan enam (6) Mahkamah Majistret.



Cadangan Rekabentuk Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah



Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah telah siap sepenuhnya

### 1.3.2. Mahkamah Baharu Tapah, Perak

Bangunan Mahkamah Baharu Tapah dibangunkan di atas tanah seluas 4.9 ekar di Daerah Batang Padang, Tapah, Perak.

Skop projek melibatkan sebuah bangunan dua (2) tingkat yang mempunyai dua (2) bilik bicara iaitu satu (1) Mahkamah Sesyen dan satu (1) Mahkamah Majistret. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 11 Mei 2018.




Cadangan Rekabentuk Mahkamah Baharu Tapah, Perak



Mahkamah Baharu Tapah, Perak telah siap sepenuhnya

## 2. MEKANISMA PEMANTAUAN PROJEK

### 2.1. Lawatan Kerja

Sepanjang tahun 2018, Pengurusan Tertinggi BHEUU telah mengambil inisiatif untuk melakukan lawatan kerja secara konsisten ke tapak projek sebagai langkah pemantauan pelaksanaan projek. Butiran lawatan adalah seperti berikut:

| TARIKH | PERKARA |
|---|---|
| 29 Januari 2018 | Lawatan Turun Padang ke Mahkamah Petaling Jaya, Selangor |
| 5 Februari 2018 | Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke atas YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu |
| 13 Mac 2018 | Lawatan Turun Padang ke Mahkamah Pengerang dan Tapak Mahkamah Baharu Pengerang, Johor |
| 12 April 2018 | Majlis Perasmian Pecah Tanah Tapak Mahkamah Baharu Pengerang, Johor |
| 24 Mei 2018 | Lawatan Turun Padang ke Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah |
| 31 Julai 2018 | Lawatan Turun Padang ke Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur |
| 9 Ogos 2018 | Majlis Penyerahan Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah |
| 13 September 2018 | Kunjungan Hormat YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU ke atas YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Lawatan ke Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang |
| 10 Oktober 2018 | Lawatan Turun Padang ke Kompleks Mahkamah Kuching, Sarawak |
| 29 Oktober 2018 | Lawatan Kerja Bersama Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri ke Mahkamah Johor Bahru, Johor |
| 7 November 2018 | Lawatan Turun Padang ke Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Bharu, Kelantan |
| 21 November 2018 | Lawatan Turun Padang ke *Asian International Arbitration Centre (AIAC*), Bangunan Sulaiman, Kuala Lumpur |

## Gambar-gambar Lawatan





YBhg. Datuk Jalil Marzuki bergambar bersama delegasi lawatan ke Mahkamah Petaling Jaya, Selangor

YBhg. Datuk Jalil Marzuki sedang berbincang bersama YBhg. Dato' SUK Negeri Terengganu semasa sesi kunjungan hormat ke pejabat beliau






Majlis Perasmian Pecah Tanah Tapak Mahkamah Baharu Pengerang, Johor disempurnakan oleh Dato' Seri Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Jalil Marzuki sedang meneliti kemasan kandang saksi semasa lawatan ke Projek Kompleks Mahkamah Baharu Kota Kinabalu, Sabah





YBhg. Datuk Jalil Marzuki sedang memberikan penjelasan kepada Ketua Hakim Negara, YB Menteri dan YB Timbalan Menteri mengenai isu-isu berbangkit di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Jalil Marzuki sedang mendengar penerangan mengenai Pusat e-lelong di Kompleks Mahkamah Kuantan, Pahang

## 2.2. Mesyuarat

Bagi memastikan setiap projek yang dilaksanakan berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan, BHEUU telah mengadakan beberapa siri mesyuarat penting pada tahun 2018 seperti berikut:

| BIL. | MESYUARAT | KEKERAPAN | CATATAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU | Setiap bulan | Bersama JKR dan PKPMP |
| 2. | Mesyuarat Tapak | Setiap bulan | |
| 3. | Mesyuarat Verifikasi dan Koordinasi Projek | Mengikut keperluan | |
| 4. | Mesyuarat Semakan Kecacatan | Setiap tiga bulan | |
| 5. | Mesyuarat Penyelarasan Projek | Mengikut keperluan | |



Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan BHEUU bersama PKPMP, JKR dan PPEU pada 19 Januari 2018



Sesi Pembentangan Rekabentuk Dalaman Dan Perabot Bina Dalam Bagi Mahkamah Baharu Ampang, Selangor pada 18 Disember 2018

## 3. URUSAN PEROLEHAN TANAH

Urusan perolehan tanah bagi tapak projek pembangunan mahkamah bagi projek baru Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) yang telah dilaksanakan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

| BIL. | PROJEK | STATUS |
|---|---|---|
| 1. | Kompleks Mahkamah Baharu Ipoh, Perak | Telah menerima kelulusan bagi tukarguna tapak KJP daripada SPRM kepada BHEUU |
| 2. | Mahkamah Baharu Kemaman, Terengganu | Dalam tindakan Pejabat Tanah dan Daerah Kemaman untuk Notis 5A |
| 3. | Mahkamah Baharu Temerloh, Pahang | Kelulusan tapak telah diterima dengan pembayaran premium berjumlah RM2.023juta |

## 4. PROGRAM PEMURNIAN GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN FIZIKAL MAHKAMAH (GP MAHKAMAH)

BHEUU telah merancang Program Pemurnian untuk memantapkan GP Mahkamah sedia ada sebagai sumber rujukan utama bagi perancangan dan pembinaan Mahkamah. Bagi tujuan tersebut, satu Kajian *Post Occupancy Evaluation* (POE) telah selesai dilaksanakan di Kompleks Mahkamah Kuantan, Mahkamah Besut, Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, Istana Kehakiman, Mahkamah Klang, Mahkamah Petaling Jaya dan Mahkamah Kajang. Data yang diperoleh sedang dikemaskini dan dianalisa oleh BHEUU.

Bengkel Semakan Semula Jadual Penggunaan Ruang dicadangkan untuk diadakan pada bulan Januari 2019. Ini termasuk agenda lawatan ke Mahkamah Singapura sebagai rujukan penanda aras kepada Mahkamah dalam lingkungan negara-negara Komanwel.

# SEKSYEN DASAR

## AKTA PEMEGANG AMANAH (PEMERBADANAN) 1952 [AKTA 258]

### (i) Senarai Yayasan Berdaftar

BHEUU merupakan pentadbir bagi Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*]. Sepanjang tahun 2018, sebanyak 25 yayasan telah berjaya diperbadankan menjadikan jumlah yayasan yang diperbadankan di bawah Akta 258 ialah 457 buah yayasan. Daripada jumlah tersebut, jumlah yayasan aktif adalah sebanyak 442.

### (ii) Sesi Pertemuan Bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258

BHEUU turut mengadakan Sesi Pertemuan bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258 bagi:

(i) mengenali peranan dan fungsi Yayasan yang berdaftar di bawah Akta 258;

(ii) perkongsian maklumat berkenaan pengurusan Yayasan serta masalah yang dihadapi; dan

(iii) satu platform kepada pihak Yayasan dan Bahagian ini bertukar pendapat dan pandangan dalam meningkatkan tadbir urus yayasan selaras dengan keperluan semasa.

Berikut merupakan senarai Sesi Pertemuan BHEUU bersama Yayasan Berdaftar di bawah Akta 258 melibatkan yayasan-yayasan berikut:

(a) 24 April 2018 (Selasa) : *Islamic Information And Services Foundation*

(b) 24 April 2018 (Selasa) : *The Registered Board Of Trustees Of The Sri Thandayuthapani Temple*

| | | | |
|---|---|---|---|
| (c) | 30 Ogos 2018 (Khamis) | : | Yayasan Pendidikan Malaysia (YPM) |
| (d) | 4 Disember 2018 (Selasa) | : | *Malaysian Community Care Foundation* (MCCF) |
| (e) | 4 Disember 2018 (Selasa) | : | Yayasan Sheikh Muhammad Nur Al-Khalidi (YSMNA) |



Sesi Pertemuan bersama *Islamic Information And Services Foundation*



Sesi Pertemuan bersama *The Registered Board Of Trustees Of The Sri Thandayuthapani Temple*



Sesi Pertemuan bersama *The Registered Board Of Trustees Of The Sri Thandayuthapani Temple*



Sesi Pertemuan bersama Yayasan Pendidikan Malaysia (YPM)



Sesi Pertemuan bersama *Malaysian Community Care Foundation (MCCF)*




Sesi Pertemuan bersama Yayasan Sheikh Muhammad Nur Al-Khalidi (YSMNA)

### (iii) Forum Non-Profit Organization (NPO) 2018: Tadbir Urus dan Pengurusan Dana

Pada 1 November 2018, BHEUU telah menganjurkan Forum Non-Profit Organization (NPO) 2018: “Tadbir Urus dan Pengurusan Dana” melibatkan yayasan yang telah berdaftar di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [*Akta 258*]. Forum tersebut telah dirasmikan oleh YB Tuan Hanipa Maidin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.




Perasmian Forum NPO 2018 oleh YB Tuan Hanipa Maidin, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Sesi bergambar bersama yayasan yang menghadiri Forum NPO 2018

## LEMBAGA PENGAMPUNAN

(i) **Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 1/2018**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil.1/2018 telah diadakan pada 26 Julai 2018 di Klana Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Secara keseluruhannya, mesyuarat berkala dua kali setahun ini membincangkan isu-isu berkenaan Lembaga Pengampunan Negeri. Delegasi mesyuarat turut mengikuti lawatan ke Muzium Tentera Darat Port Dickson sejurus selepas mesyuarat berakhir.



YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU, JPM bergambar bersama ahli mesyuarat

(ii) **Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil. 2/2018**

Mesyuarat Penyelarasan Urus Setia Lembaga Pengampunan Negeri-Negeri Bil.2/2018 pula telah diadakan pada 18 Oktober 2018 di Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi, Kedah. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU, JPM.



YBhg. Datuk Ketua Pengarah BHEUU, JPM bergambar bersama ahli mesyuarat

**PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA KEBANGSAAN (NATIONAL HUMAN RIGHTS ACTION PLAN - NHRAP)**

**MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN HAK ASASI MANUSIA (NHRAP)**

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia (NHRAP) pada 1 Mac 2018 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.

Turut hadir adalah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Azalina Othman Said dan Datuk Paul Low Seng Kuan, Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Zainal Rahim Seman, Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, Tan Sri Razali Ismail, dan Ketua Pengarah BHEUU, Datuk Jalil bin Marzuki.

YAB Perdana Menteri telah menyatakan bahawa, dokumen NHRAP adalah berdasarkan acuan Malaysia dan mengikut garis panduan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Pelan Tindakan ini menggariskan lima teras utama iaitu hak sivil dan politik; hak ekonomi, sosial dan kebudayaan; hak golongan rentan; hak Orang Asli, Anak Negeri Sabah dan *Natives of Sarawak*; dan kewajipan antarabangsa. Beliau turut berkata NHRAP adalah dokumen awam yang dinamik, fleksibel dan boleh ditambah baik mengikut kesesuaian serta keperluan agensi pelaksana dari semasa ke semasa.

Dato' Sri Azalina menyatakan bahawa, NHRAP merangkumi 83 isu keutamaan hak asasi manusia di Malaysia dan menggariskan 294 pelan tindakan terperinci untuk dilaksanakan dalam mempromosi serta melindungi hak asasi manusia di Malaysia.




YAB Perdana Menteri menyampaikan ucapan perasmian NHRAP

Seramai 300 wakil dari kementerian/jabatan/agensi Kerajaan dan badan bukan Kerajaan telah menghadiri majlis tersebut. Majlis Pelancaran NHRAP merupakan mekanisme Kerajaan bagi mendapatkan sokongan penuh daripada semua pihak berkepentingan dalam usaha memantau dan menilai keberkesanan NHRAP.




Wakil dari kementerian/jabatan/agensi mendengar ucapan YAB Perdana Menteri di Majlis Pelancaran NHRAP

## <u>AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [*AKTA 711*]</u>

### BENGKEL PENAMBAHBAIKAN AKTA PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT 2010 [AKTA 711]

Bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*] telah diadakan pada 12 November 2018 di Dewan Harmoni, BHEUU dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Untuk sesi ceramah dikendalikan oleh YBrs. Dr. Hazlina binti Shaik Md Noor Alam, Pensyarah Kanan dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Objektif penganjuran bengkel adalah seperti berikut:

(a) untuk memberikan kefahaman kepada peserta berhubung tafsiran terperinci bagi setiap peruntukan undang-undang yang terkandung di dalam akta ini;

(b) untuk mendapatkan maklum balas daripada agensi penguatkuasa berhubung sebarang permasalahan yang timbul di sepanjang pelaksanaan akta ini;

(c) memberikan pendedahan kepada peserta mengenai pelaksanaan undang-undang perlindungan pemberi maklumat yang dilaksanakan di luar negara serta perbandingan mengenainya di Malaysia; dan

(d) untuk mendapatkan input-input bagi menambah baik peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam akta ini selaras dengan standard/ piawaian yang ditetapkan di peringkat antarabangsa.

Rumusan bengkel adalah seperti berikut:

(a) wujud tafsiran yang pelbagai dan tidak seragam dalam memahami peruntukan-peruntukan tertentu khususnya Seksyen 8 Akta 711 yang kelihatan seperti bercanggah dengan beberapa peruntukan lain seperti Seksyen 14 dan beberapa peruntukan lain; dan

(b) objektif penambahbaikan atau pindaan yang bakal dicadangkan terhadap Akta 711 hendaklah bersifat holistik dan mampu memberikan kefahaman yang lebih jelas (*clarity of understanding*), tidak terlalu umum tetapi lebih spesifik (*a more rigid and confined laws*) dan menyelesaikan isu mengenai ketidakharmonian peruntukan-peruntukan yang dilihat seolah-olah bercanggah di antara satu sama lain.





YBrs. Dr. Hazlina binti Shaik Md Noor Alam, Pensyarah Kanan
dari Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
mengendalikan bengkel Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [*Akta 711*]

## SEKSYEN PENGURUSAN MAKLUMAT

### 1. KARNIVAL INOVASI-ICT4U 2018

Program Karnival Inovasi-ICT4U 2018 merupakan salah satu program pembudayaan ICT yang dilaksanakan setiap tahun di BHEUU bagi menyokong hasrat kerajaan melalui agenda transformasi kerajaan berpaksikan perkhidmatan ICT. Pada tahun 2018 Hari Inovasi BHEUU disambut bersekali dengan program pembudayaan ICT. Objektif utama program ini adalah untuk memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan selain daripada mempromosikan teknologi ICT terkini.







Enam (6) aktiviti telah dilaksanakan sepanjang karnival ini berlangsung bermula 9 Oktober sehingga 17 Oktober 2018 iaitu:

#### 1.1 Senamrobik - 9 Oktober 2018

Aktiviti senamrobik ini adalah merupakan satu aktiviti yang dianjurkan dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kelab Sukan dan Kebajikan BHEUU (KSK). Senamrobik telah dipimpin oleh jurulatih daripada KBS dan dibantu oleh empat (4) orang ahli KSK.

Seramai 150 peserta yang terdiri daripada peserta Jom Fit Challenge serta warga BHEUU, JBG dan MdI telah menyertai program ini.






Aktiviti Senamrobik oleh warga BHEUU, MdI dan JBG

### 1.2 Jom Fit Challenge - 9 Oktober 2018

Perasmian dan pelepasan peserta Jom Fit Challenge telah disempurnakan oleh Encik Mohd Yusoff bin Aman selaku *Chief Information Officer* (CIO) BHEUU. Sebanyak 11 kumpulan telah mengambil bahagian iaitu 6 kumpulan daripada BHEUU, 3 kumpulan daripada MdI dan 2 kumpulan daripada JBG.




Aktiviti perasmian oleh Encik Mohd Yusoff bin Aman (CIO) BHEUU






Jom Fit Challenge melibatkan aktiviti fizikal dan mental




Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan Jom Fit Challenge

### 1.3 Jom Sihat & Derma Darah - 10 Oktober 2018

Program pemeriksaan kesihatan dan derma darah ini mendapat kerjasama daripada Pusat Kesihatan Presint 11, Pusat Darah Negara (PDN) dan AKRAB. Seramai 60 orang penderma telah menderma darah pada program kali ini dan sekaligus telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh PDN.



Pegawai daripada IJN, Klinik Kesihatan Presint 9 dan AKRAB BHEUU



Program derma darah yang mendapat sambutan menggalakkan daripada warga BHEUU, MdI dan JBG

### 1.4 Ceramah : “Scammer Berkuasa..Pengguna Binasa” - 11 Oktober 2018

Ceramah Keselamatan ICT yang bertajuk “Scammer Berkuasa..Pengguna Binasa” telah diadakan pada 11 Oktober 2018 bertempat di Dewan Harmoni Aras 2. Penceramah jemputan adalah Encik Muhammad Zahid bin Ismail dan Encik Edwan bin Mohammad Aidid yang merupakan Chief Technology Officer daripada Syarikat Nexagate Sdn Bhd. Antara pengisian program ceramah ini adalah mengenai isu jenayah siber dan peranan pengguna dalam membendung salah laku ini.






Pengarah SPM BHEUU bergambar bersama penceramah jemputan



Para peserta ceramah “Scammer Berkuasa..Pengguna Binasa”

## 1.5 Forum : “Innovation Success Stories” - 15 Oktober 2018

Forum Inovasi berkenaan *Innovation Success Stories* telah diadakan pada 15 Oktober 2018. Moderator bagi forum ini adalah Encik Mohd Yusoff bin Aman Timbalah Ketua Pengarah (Pengurusan) BHEUU dan panel jemputan adalah Encik Hamzah bin Ismail daripada Jabatan Perangkaan, Encik Muhammad Zaid bin Hasman daripada Syarikat McDonald’s serta Kapten (PA) Abdullah bin Sabaruddin daripada Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA).

Selain daripada forum, pameran inovasi turut diadakan bersempena sambutan Hari Inovasi ini. Antara pempamer yang mengambil bahagian adalah daripada Pusat Sains Negara, Aman Palestin, INTAN, Olive Oil, Marvel, Recca Cakes dan Gadgets World.




Forum : “Innovation Success Stories”



Pameran Inovasi yang melibatkan beberapa agensi turut diadakan sewaktu Forum Inovasi

## 1.6 Bengkel Fotografi Menggunakan Smartphone - 16 Oktober 2018

Seramai 40 orang peserta terdiri daripada warga BHEUU, MdI dan JBG telah menyertai bengkel ini. Puan Kamalia Kamal iaitu *Founder The Photolicious* telah dijemput untuk berkongsi kemahiran serta teknik untuk mengambil gambar yang menarik. Selain daripada itu, penceramah turut menguji kemahiran peserta dengan mengadakan pertandingan gambar tercantik.



Para peserta memberi perhatian terhadap setiap penerangan yang diberikan oleh penceramah




Penyampaian hadiah kepada pemenang pertandingan

## 1.7 Pameran ICT - 17 Oktober 2018

Pameran ICT ini telah diadakan pada 17 Oktober 2018 bertempat di ruang legar Lobi BHEUU dan merupakan program penutup bagi Karnival Inovasi-ICT4U 2018. YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU telah mengetuai pihak pengurusan tertinggi BHEUU, MdI dan JBG melawat *booth-booth* pameran. Sebanyak 13 *booth* dan seramai 400 orang pengunjung telah menyertai program pameran pada tahun ini.

Antara pempamer yang mengambil bahagian adalah:

1. Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (MyGovUC)
2. Jabatan Insolvensi Malaysia (MdI)
3. Jabatan Bantuan Guaman (JBG)
4. JAKIM (Hab Halal)
5. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) - HRMIS
6. Kementerian Belia dan Sukan (KBS)
7. MAMPU – MyDFLab (Makmal Digital Forensik) Bahagian Perlindungan
8. AKRAB
9. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
10. Celcom
11. Unify
12. Karangkraf2U
13. Inter XS (Dell)



Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU mengetuai lawatan ke setiap booth pameran

## SEKSYEN KEWANGAN

Peruntukan mengurus tahun 2018 yang diluluskan untuk aktiviti di bawah program BHEUU adalah berjumlah RM16,625,198.31. Perbelanjaan sehingga 31 Disember 2018 adalah RM16,329,246.91 (98.22%) tidak termasuk perbelanjaan di bawah AP58(a). Perincian perbelanjaan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

| OBJEK SEBAGAI | JENIS PERBELANJAAN | JUMLAH PERUNTUKAN (RM) | JUMLAH PERBELANJAAN (RM) | PERATUS PERBELANJAAN (%) |
|---|---|---|---|---|
| 11000 | Gaji dan Upah | 7,574,400.00 | 7,588,056.95 | 100.18 |
| 12000 | Elaun Tetap | 2,000,000.00 | 2,105,907.76 | 105.30 |
| 13000 | Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 100,000.00 | 52,552.00 | 52.55 |
| 14000 | Elaun Lebih Masa | 200,000.00 | 134,929.59 | 67.46 |
| 15000 | Faedah Kewangan Yang Lain | 100,000.00 | 97,519.77 | 97.52 |
| 17000 | Bayaran Imbuhan Tahunan | 225,600.00 | 310,200.00 | 137.50 |
| **10000** | **EMOLUMEN** | **10,200,000.00** | **10,289,166.07** | **100.87** |
| 21000 | Perjalanan dan sara hidup | 295,449.01 | 294,318.90 | 99.62 |
| 22000 | Pengangkutan barang-barang | 5,857.00 | 5,812.00 | 99.23 |
| 23000 | Perhubungan dan utiliti | 3,598,000.00 | 3,492,804.26 | 97.08 |
| 24000 | Sewaan | 431,092.30 | 329,249.16 | 76.38 |
| 25000 | Bahan makanan dan minuman | 15,000.00 | 8,936.40 | 59.58 |
| 26000 | Bekalan bahan mentah | 50,000.00 | 41,320.69 | 82.64 |
| 27000 | Bekalan dan bahan lain | 220,000.00 | 190,070.08 | 86.40 |
| 28000 | Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli | 1,165,900.00 | 1,156,779.19 | 99.22 |
| 29000 | Perkhidmatan Ikhtisas dan perkhidmatan lain. | 629,000.00 | 505,981.38 | 80.44 |
| **20000** | **PERKHIDMATAN DAN BEKALAN** | **6,410,298.31** | **6,025,272.06** | **93.99** |
| 41000 | Biasiswa, dermasiswa dan bantuan pelajaran | 11,791.00 | 11,700.00 | 99.23 |
| 47000 | Ganjaran | 3,109.00 | 3,108.78 | 99.99 |
| **40000** | **PEMBERIAN & KENAAN BAYARAN TETAP** | **14,900.00** | **14,808.78** | **99.39** |
| **JUMLAH** | | **16,625,198.31** | **16,329,246.91** | 98.22 |

Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan peruntukan mengurus tahun 2018 adalah seperti berikut:




Berdasarkan carta di atas, terdapat perbelanjaan melebihi peruntukan bagi OS10000 disebabkan oleh pembayaran kenaikan gaji tahunan pegawai BHEUU dan bayaran elaun tetap. Manakala untuk peruntukan OS20000 dan OS40000, perbelanjaan tidak melebihi peruntukan tahun semasa.

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM113,629,138.56. Jumlah perbelanjaan sebenar adalah RM100,121,725.01 berbanding peruntukan dipinda RM114,441,370.08. Perincian perbelanjaan adalah seperti berikut:

| KOD | PROJEK | PERUNTUKAN ASAL (RM) | PERUNTUKAN DIPINDA (RM) | PERBELANJAAN (RM) |
|---|---|---|---|---|
| 09000 | Bangunan Mahkamah | 64,000,000.00 | 93,910,226.00 | 79,590,580.93 |
| 09400 | Sistem E-Kehakiman | 28,500,00.00 | 0 | 0 |
| 00125 | Sewaan Bangunan BHEUU | 21,129,138.56 | 20,531,144.08 | 20,531,114.08 |
| **Jumlah** | | **113,629,138.56** | **114,441,370.08** | **100,121,725.01** |

Secara keseluruhan, prestasi perbelanjaan peruntukan pembangunan tahun 2018 adalah seperti berikut:




Berdasarkan carta di atas, tiada sebarang perbelanjaan direkodkan bagi peruntukan Sistem E-Kehakiman kerana projek ini telah ditangguh pada tahun 2018. Perbelanjaan bagi pembangunan fizikal bangunan mahkamah adalah tidak melebihi peruntukan yang diluluskan. Manakala perbelanjaan bagi sewaan bangunan BHEUU telah digunakan secara optimum kerana tiada sebarang baki peruntukan bagi butiran tersebut.

BHEUU juga telah berjaya memproses 1,094 bil berjumlah RM4,796,693.02 yang diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari kecuali 1 bil berikutan gangguan teknikal sistem iGFMAS yang menyebabkan baucar bayaran lambat diproses. Secara keseluruhannya, pengurusan kewangan di BHEUU adalah baik dan terkawal.

## SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### 1. KEURUSETIAAN

Beberapa Mesyuarat telah diadakan pada tahun 2018 seperti berikut:

a. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan)
b. Panel Pembangunan Sumber Manusia (Pergerakan Gaji)
c. Panel Pembangunan Sumber Manusia (APC)
d. Panel Pencalonan Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat BHEUU
e. Ketua-Ketua Jabatan
f. Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)
g. Majlis Bersama Jabatan (MBJ)
h. Pengurusan
i. Lembaga Tatatertib
j. Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Jabatan
k. Mesyuarat Bersama Polis Bantuan
l. Mesyuarat Pemandu Jabatan dan Pembantu Operasi
m. Mesyuarat Perkhidmatan Kantin dan Katering
n. Mesyuarat Penyelenggaraan Bangunan 3G1 Bersama Pihak Penyelenggara Bangunan (JKR dan JRM)



Ahli MBJ Sesi 2016 – 2018 bergambar kenangan bersama YBhg. Datuk Haini binti Hassan, Ketua Pengarah JBG selaku Pengerusi Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan BHEUU Bilangan 2 Tahun 2018 dan ahli-ahli Pihak Pengurusan pada 23 Mei 2018



Sesi Taklimat dan Pemilihan Pengerusi Ahli Majlis Bersama Jabatan BHEUU bagi Sesi 2018 – 2020

## 2. KURSUS DAN LATIHAN

Kerajaan melalui surat edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 29 Februari 2016 telah menetapkan bahawa selaras dengan langkah merasionalisasi Perkhidmatan Awam serta mengoptimumkan perbelanjaan agensi-agensi Kerajaan, pelaksanaan dasar berkursus tujuh (7) hari setahun bagi semua anggota Perkhidmatan Awam seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 "Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam" (PP 6/2005) adalah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, Kursus/ Latihan yang dirancang di bawah Pelan Operasi Latihan 2018 yang telah dipersetujui oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia (Latihan) BHEUU tetap dilaksanakan dan telah mencapai sasaran kehadiran pegawai BHEUU menghadiri sekurang-kurangnya tiga (3) hari berkursus. Program Ceramah Keutuhan dan Latihan yang telah diadakan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

| BIL | PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| 1. | Program Permukiman Pemantapan Kepimpinan Perkhidmatan Awam | 8 Februari 2018 |
| 2. | Kursus Modul Pindahan Aset di Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) | 26 Februari – 2 Mac 2018 |
| 3. | Kursus Pasukan Keselamatan dan Pengurusan Bencana – Pasukan Medik dan Pasukan Mencari & Menyelamat (SAR) | 18 – 22 Mac 2018 |
| 4. | Seminar Transgender : Antara Hak dan Hak Agama | 20 Mac 2018 |
| 5. | Kursus Pengurusan Fail (*Digital Document Management System* – DDMS) | 3 – 5 April 2018 |
| 6. | Simposium Integriti dan Tadbir Urus Perkhidmatan Awam Berprestasi Tinggi | 2 – 3 Mei 2018 |

| BIL | PROGRAM | TARIKH |
|---|---|---|
| 7. | Program Ceramah Keutuhan Bil. 1/2018 | 24 Mei 2018 |
| 8. | Bengkel AKRAB BHEUU | 1 Ogos 2018 |
| 9. | Seminar On Challenges In Design & Construction On Soft Ground | 15 – 16 Ogos 2018 |
| 10. | Program Ceramah Integriti | 20 Ogos 2018 |
| 11. | Kursus Analisa Penyata Kewangan | 28 – 29 Ogos 2018 |
| 12. | Program Ceramah Keutuhan Bil. 2/2018 | 26 September 2018 |
| 13. | Latihan Pengguna Sistem Pengurusan Dokumen Digital 2.0 (DDMS 2.0) | 4 – 6 September 2018 |
| 14. | Latihan Pertandingan Kawad Kecekapan PKKB | 10 September 2018 |
| 15. | Program Ceramah Pembudayaan ICT 2018 | 11 Oktober 2018 |
| 16. | Program Hari Inovasi dan Program Pembudayaan ICT | 9 - 17 Oktober 2018 |
| 17. | Kursus Tatacara Perolehan | 30 – 31 Oktober 2018 |




YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU sedang menyampaikan ucapan alu-aluan sempena Program Permukiman Pemantapan Kepimpinan Perkhidmatan Awam BHEUU 8 Februari 2018 di Dewan Saksama, BHEUU



Fasilitator daripada Akademi Bomba dan Penyelamat sedang melakukan demonstrasi dan cara-cara menyelamatkan mangsa semasa Kursus Pasukan Keselamatan dan Pengurusan Bencana – Pasukan Medik dan Pasukan Mencari & Menyelamat (SAR) di Wakaf Tapai, Terengganu



Tuan Haji Mohd Shahren bin Ahmad Saman, Pengarah (Pengurusan Sumber Manusia) BHEUU sedang memberikan taklimat kepada Ahli AKRAB BHEUU semasa Bengkel AKRAB yang diadakan pada 1 Ogos 2018 di Dewan Saksama, BHEUU

## 3. PELAKSANAAN SISTEM MAKLUMAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (HRMIS)

3.1 Seksyen Pengurusan Sumber Manusia BHEUU telah memantau pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga Disember 2018**.** Pencapaian pengemaskinian HRMIS berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan adalah seperti berikut:

(a) Submodul Rekod Peribadi : 100%
(b) Submodul Profil Perkhidmatan: 100%
(c) Submodul Perisytiharan Harta : 100%
(d) Submodul SKT : 100%

## 4. STATISTIK SUMBER MANUSIA

4.1 Maklumat Perjawatan, Pengisian dan Kekosongan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri sehingga 31 Disember 2018 adalah seperti berikut :

| BIL | KUMPULAN PERKHIDMATAN | *P | *I | *K |
|---|---|---|---|---|
| **1** | Pengurusan Tertinggi | 2 | 2 | 0 |
| **2** | Pengurusan dan Profesional | 48 | 40 | 8 |
| **3** | Kumpulan Pelaksana (29-40) | 37 | 36 | 1 |
| **4** | Kumpulan Pelaksana (19-26) | 68 | 62 | 6 |
| **5** | Kumpulan Pelaksana (1-14) | 30 | 26 | 4 |
| | **JUMLAH** | **185** | **166** | **19** |

Nota: *P=Perjawatan, *I=isi, *K=Kosong

4.2 Unit Sumber Manusia juga bertanggungjawab terhadap perkara-perkara berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah urusan yang diproses adalah seperti berikut :

| JENIS PERKHIDMATAN, TUNTUTAN & ELAUN | BILANGAN |
|---|---|
| Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK) | 5 |
| Bayaran Insentif Tugas Pengurusan Stor | 1 |
| Elaun Perumahan Wilayah | 1 |
| Bayaran Insentif Wilayah | 1 |
| Bayaran Insentif (Jawatan Kritikal) | 2 |

| JENIS PERKHIDMATAN, TUNTUTAN & ELAUN | BILANGAN |
|---|---|
| Bayaran Insentif JUSA | 2 |
| Tambang Mengunjungi Wilayah Asal | 91 |
| Pindah Rumah | 24 |
| Tanggung Kerja | 318 |
| Perubatan | 2 |
| Cuti Kuarantin | 23 |
| Cuti Menjaga Anak | 14 |
| Cuti Tanpa Gaji | 13 |
| Cuti Separuh Gaji | 14 |
| Hadiah Latihan Persekutuan | 4 |

Jadual : Jumlah urusan berkaitan Perkhidmatan, Tuntutan dan Elaun yang telah diuruskan oleh Unit Sumber Manusia

## 5. PENGURUSAN PENYEWAAN RUANG PEJABAT DAN RUANG STOR CAWANGAN-CAWANGAN JABATAN BANTUAN GUAMAN (JBG) DAN JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA (MdI), PENGURUSAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN RUANG PEJABAT BHEUU DAN CAWANGAN-CAWANGAN MdI DAN PERKHIDMATAN KONTRAK DI BHEUU

5.1 BHEUU telah menguruskan sebanyak 32 kontrak penyewaan ruang pejabat dan ruang stor iaitu 16 kontrak ruang pejabat MdI, 13 kontrak ruang pejabat JBG dan 3 kontrak ruang stor MdI mengikut tempoh yang ditetapkan.

5.2 BHEUU juga bertanggungjawab menguruskan sebanyak 16 kontrak perkhidmatan pembersihan dan pencucian ruang pejabat di cawangan-cawangan MdI.

5.3 BHEUU turut menyelaras dan memantau kontrak bagi perkhidmatan berikut:

5.3.1 perkhidmatan kantin dan katering di bangunan BHEUU;
5.3.2 perkhidmatan pembekalan alat pewangi automatik;
5.3.3 pelantikan syarikat penyewaan mesin *water dispenser* serta mengurus tempahan air minuman *water dispenser* mengikut keperluan;
5.3.4 penyewaan dan penyelenggaraan pokok bunga hidup hiasan berpasu di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang;
5.3.5 penyewaan dan penyelenggaraan mesin fotostat dengan Syarikat *Newrise Channel* (M) Sdn. Bhd.;
5.3.6 sewaan bagi menempatkan struktur pemancar mudah alih di Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Lot 3G1, Presint 3, Putrajaya;
5.3.7 bekalan akhbar tempatan sebagaimana diperuntukkan untuk pegawai-pegawai kanan dan *pool* di seksyen/unit BHEUU serta menguruskan pembayaran;
5.3.8 pengeposan surat-surat pos biasa dan pos berdaftar serta urusan pembelian setem dan pos berdaftar;
5.3.9 perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan BHEUU;
5.3.10 perkhidmatan dan penyelenggaraan bangunan BHEUU oleh pihak kontraktor RASB;
5.3.11 perkhidmatan pembekalan katering bagi mesyuarat dan majlis jabatan;
5.3.12 penyelenggaraan kenderaan jabatan mengikut jadual;

5.3.13 tempahan penggunaan kenderaan jabatan dalaman dan juga daripada agensi lain;

5.3.14 penyediaan logistik kerusi meja, makanan dan lain-lain bagi acara/majlis jabatan sama ada di dalam atau luar BHEUU;

5.3.15 penyertaan kakitangan di dalam perarakan Maulidur Rasul dan lain-lain majlis jemputan;

5.3.16 menguruskan tempahan dewan besar saksama dan bilik mesyuarat bagi kegunaan BHEUU dan juga tempahan dari luar; dan

5.3.17 pemantauan dan kawalan keselamatan bangunan BHEUU 24 jam oleh Polis Bantuan

# 6. PROGRAM INOVASI

## 6.1 PENGIKTIRAFAN BERKAITAN PENGURUSAN KUALITI & INOVASI

### 6.1.1 Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri Tahun 2018

Hari Inovasi dan Kecemerlangan Jabatan Perdana Menteri bagi tahun 2018 diadakan pada 8 November 2018 di Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail bin Hj. Bakar, Ketua Setiausaha Negara. Sambutan Hari Inovasi dan Kecemerlangan (HIK) Jabatan Perdana Menteri (JPM) 2018 bertemakan "Inovasi Keunggulan Prestasi". Penganjuran HIK 2018 adalah untuk memberi pengiktirafan kepada Jabatan/Agensi JPM yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang dalam pelbagai bidang sama ada pengurusan, penghayatan dan amalan inovasi, penglibatan aktif dalam bidang sosial serta kecemerlangan dalam aktiviti sukan. Pelbagai aktiviti telah dirancang sebagai pengisian HIK 2018 seperti Bicara Inovasi, Pameran Inovasi serta Kuiz dan Pertunjukan Inovasi.

## 6.2 LAPORAN PEMBUDAYAAN KREATIVITI DAN INOVASI

### 6.2.1 Pengauditan EKSA oleh MAMPU pada 14 Ogos 2018 di BHEUU

Pihak MAMPU telah menjalankan pengauditan EKSA pada 14 Ogos 2018 ke atas Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang. Lapan Sektor telah diaudit iaitu Sektor Mitigasi, Sektor Litigasi, Sektor Bona Fide, Sektor Akauntabiliti, Sektor Pematuhan, Sektor Cyber Law, Sektor Adil dan Sektor 588 UKK. Keputusan pengauditan EKSA MAMPU ialah BHEUU telah mendapat sijil kategori Cemerlang mulai 1 September 2018 sehingga 31 Ogos 2020. BHEUU telah melancarkan Buku Garis Panduan EKSA dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU pada 25 April 2018.

### 6.2.2 Sambutan Hari Inovasi BHEUU Tahun 2018

Sambutan Hari Inovasi BHEUU telah diadakan pada 15 Oktober 2018 di Dewan Saksama Aras 2 BHEUU sempena Karnival Inovasi-ICT4U. Karnival Inovasi-ICT4U telah berlangsung mulai 9 Oktober 2018 sehingga 17 Oktober 2018 dan dianjurkan bersama oleh Seksyen Pengurusan Sumber Manusia dan Seksyen Pengurusan Maklumat. Majlis Sambutan Hari Inovasi telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki, Ketua Pengarah BHEUU. Pelbagai aktiviti diadakan semasa sambutan Hari Inovasi iaitu Pameran Inovasi dan Forum Inovasi bertemakan ‘Innovation Success Stories’ di mana panel jemputan adalah terdiri daripada Akademi Latihan Pertahanan Awam (ALPHA), Jabatan Perangkaan dan McDonald’s.

### 6.2.3 Pertandingan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) dan Pertandingan Idea Inovasi

Pertandingan KIK dan Pertandingan Idea Inovasi peringkat BHEUU telah diadakan pada 10 Oktober 2018 bagi menggalakkan pembudayaan kreativiti dan inovasi di kalangan warga BHEUU. Penyertaan telah dibuka kepada semua warga BHEUU, MdI dan JBG mulai 25 Jun 2018 sehingga 3 September 2018. Bagi Pertandingan KIK tempat pertama dimenangi oleh Kumpulan Fantastic 4, tempat kedua oleh Kumpulan @10 Team dan tempat ketiga oleh Kumpulan Pembangunan. Bagi Pertandingan Idea Inovasi tempat pertama telah dimenangi oleh Puan Nik Shahdira binti Shamsuddin dan tempat kedua dimenangi oleh Encik Wan Hasrul Effendy bin Sulaiman.

## 7. HUBUNGAN MAJIKAN – PEKERJA

7.1 Majlis Bersama Jabatan telah diadakan sebanyak 4 kali bagi tahun 2018. Sebanyak 15 usul dan 1 memorandum telah dikemukakan untuk perhatian dan tindakan pihak majikan.

7.2 Wakil Pekerja telah melaksanakan aktiviti pengedaran soal selidik yang telah disediakan oleh pihak Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) yang bertujuan untuk membantu pengurusan kewangan Penjawat Awam yang berusia di antara 45 hingga 60 tahun bagi Gred 40 dan ke bawah.

## 8. PUSAT SUMBER

8.1 Sepanjang tahun 2018, Pusat Sumber BHEUU telah mengadakan beberapa program/ aktiviti bertujuan membudayakan amalan membaca serta mewujudkan budaya cintakan ilmu dalam kalangan warga BHEUU, JBG dan MdI.

8.2 Aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

### 8.2.1 Jaja Buku

Aktiviti ini telah diadakan sebanyak 4 kali. Jaja Buku ini berkonsepkan perpustakaan bergerak di mana buku-buku akan dibawa oleh staf perpustakaan ke meja warga BHEUU. Warga BHEUU boleh meminjam dan memulangkan buku sewaktu aktiviti ini tanpa perlu datang ke perpustakaan.

### 8.2.2 Bengkel Literasi Media Dan Maklumat

Bengkel Literasi Media Dan Maklumat telah diadakan pada 24 Oktober 2018 dengan penyertaan seramai 52 orang warga BHEUU, JBG dan MdI. Bengkel ini diadakan dengan objektif seperti berikut:

8.2.2.1 memberi pengetahuan kepada peserta mengenai keperluan maklumat dan kepentingan literasi maklumat;

8.2.2.2 mendedahkan peserta kepada kaedah pencarian, pengurusan dan etika penggunaan maklumat dengan lebih cekap dan efektif; dan

8.2.2.3 meningkatkan kemahiran peserta mengenai penilaian maklumat yang sahih dan menyebarkan maklumat yang diperolehi bagi tujuan perkongsian ilmu dan pengetahuan



Para peserta bengkel sedang mendengar ceramah yang disampaikan oleh Encik Adam Zulkarnain bin Saleng daripada Perpustakaan Negara Malaysia (PNM)

### 8.2.3 Anugerah Peminjam Buku Terbanyak

Anugerah Peminjam Buku Terbanyak ini diadakan satu kali setahun bagi memberi penghargaan kepada pengguna Pusat Sumber yang aktif meminjam dan menggunakan perkhidmatan perpustakaan. Pemberian seumpama ini diharap dapat menjadi dorongan dan motivasi kepada warga BHEUU, JBG dan MdI yang lain untuk terus mengunjungi Pusat Sumber. Pemberian ini diharap bukan sahaja dapat memupuk minat dan amalan membaca malah secara langsung menggalakkan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat.

### 8.2.4 Program Riang Ria Cuti Sekolah

Program ini telah diadakan pada 23 Mac 2018 (Jumaat) sempena cuti persekolahan penggal pertama untuk anak-anak warga BHEUU, JBG dan MdI. Penganjuran program ini diadakan secara usahasama (NBOS) dengan Puspanita Cawangan Kecil BHEUU melalui perkongsian kos perbelanjaan dan penganjuran program. Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Foziyah binti Nasir, Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil BHEUU. Antara aktiviti yang diadakan adalah seperti berikut:

#### 8.2.4.1 Pertandingan Mewarna



8.2.4.2 *Story Telling* Bersama Ummi Sham



8.2.4.3 Tayangan Video

8.2.4.4 *Fun Games*



Barisan peserta kanak-kanak bergambar bersama YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki dan YBhg. Datin Foziyah binti Nasir, Pengerusi Puspanita Cawangan Kecil BHEUU di akhir program

### 8.2.5 Lawatan Kerja Ke Perpustakaan Negara Malaysia

Program Lawatan Kerja Ke Perpustakaan Negara Malaysia telah diadakan pada 8 Ogos 2018. Seramai 22 orang warga BHEUU telah turut sama dalam lawatan ini. Tujuan lawatan ini adalah seperti berikut:

8.2.5.1 mengadakan lawatan kerja bagi mendapatkan pengalaman PNM di dalam membangunkan Perpustakaan Digital;

8.2.5.2 Mengenal pasti perkhidmatan lain yang disediakan oleh PNM yang boleh dijadikan panduan dan diguna pakai oleh Pusat Sumber BHEUU; dan

8.2.5.3 memberi pendedahan pengalaman dan pengetahuan kepada semua ahli yang mengikuti lawatan mengenai perkembangan teknologi perpustakaan dan bagaimana informasi digital boleh dicapai




Peserta lawatan bergambar bersama wakil daripada Perpustakaan Negara Malaysia iaitu Puan Suhaida binti Mohamad

# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 1. UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Unit Komunikasi Korporat dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan publisiti, dokumentasi gambar, promosi dan menyebarkan maklumat aktiviti jabatan kepada orang awam.

## 2. FUNGSI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

i. Merancang dan menyelaras pelan komunikasi, promosi dan publisiti BHEUU agar program dan aktiviti mendapat liputan meluas oleh media massa;

ii. Mengurus dan menyelaras bahan penerbitan BHEUU seperti Laporan Tahunan, e-Buletin BHEUU dan lain-lain penerbitan bagi tujuan mempromosi jabatan;

iii. Memantau dan menguruskan hal-hal berkaitan dengan pengurusan pelanggan secara profesional dan berwibawa bagi meningkatkan imej korporat;

iv. Menyelaras dan menjawab maklum balas dan aduan dengan cekap dan efisien;

v. Menyelaras maklumat BHEUU untuk dikemaskini di laman web/Intranet/i-Board/*Facebook*;

vi. Memastikan aktiviti dan program BHEUU didokumentasikan dalam bentuk video/CD/penulisan/foto; dan

vii. Menyelaras lawatan rasmi ke BHEUU

3. **SENARAI AKTIVITI UNIT KOMUNIKASI KORPORAT SEPANJANG TAHUN 2018**

| BIL | AKTIVITI | BULAN |
|---|---|---|
| 1 | Penerbitan Buku Laporan Tahunan BHEUU | 1 November 2018 |
| 2 | Kajian Kepuasan Pelanggan | 20 Okt –<br>20 Nov 2018 |
| 3 | Pertandingan Lagu-Lagu Patriotik Sempena Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan 2018 | 8 November 2018 |
| 4 | Mengemaskini Aktiviti di Portal BHEUU, *Facebook*, i-board dan Intranet | Sepanjang tahun |
| 5 | Laporan Keratan Akhbar Harian | Sepanjang tahun |
| 6 | Rakaman Video Aktiviti BHEUU | Sepanjang tahun |
| 7 | Mendokumentasikan Gambar | Sepanjang tahun |
| 8 | Memberi Maklum Balas untuk Aduan dan Pertanyaan | Sepanjang tahun |
| 9 | Majlis Amanat Tahun Baharu 2018 | Bulan Januari 2018 |
| 10 | Perhimpunan Bulanan | Setiap bulan |

**<u>AKTIVITI-AKTIVITI UKK 2018</u>**

**Majlis Amanat Tahun Baharu 2018 Menteri di JPM (Undang-Undang)**






## Perhimpunan Bulanan BHEUU









## Pertandingan Lagu-Lagu Patriotik Sempena Gerakan Dekad Bahasa Kebangsaan 2018
















Barisan pemenang bergambar kenangan bersama YBhg. Ketua Pengarah, BHEUU.

**PUSPANITA CAWANGAN KECIL**
**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**



**1. Senarai Ahli Jawatankuasa 2018**

| | |
|---|---|
| Penasihat | : YBhg. Datuk Jalil bin Marzuki |
| Pengerusi | : YBhg. Datin Foziyah binti Nasir |
| Setiausaha | : Cik Thelma Shawai Sui |
| Penolong Setiausaha 1 | : Puan Sadila Suharti binti Abu Salim |
| Bendahari | : Puan Nazlina Azlin binti Adamsah |
| Penolong Bendahari 1 | : Puan Nor Hafizah binti Ahmad Fauzi |
| Pemeriksa Kira-kira1 | : Puan Shaezliana binti Shein |
| Pemeriksa Kira-kira2 | : Puan Fifi Liana binti Nasrun |
| Pemegang Amanah | : Puan Siti Nor Farizan binti Ab Aziz |

**2. Jumlah Keahlian : 334 orang**

**3. Laporan Aktiviti :**

**6 April 2018** - Mesyuarat Tahunan PUSPANITA Cawangan BHEUU di Dewan Saksama BHEUU





**6 Jun 2018** - Program Penyerahan Derma/Sumbangan Pertubuhan Kebajikan dan Pendidikan Rumah KITA di Taman Pandan Jaya, Pandan, Selangor






**23 Mac 2018** - Program Riang Ria Cuti Sekolah di Dewan Saksama BHEUU






**25 Mei 2018** - Program Sunat Tasbih di Surau BHEUU





**23 November 2018** - Majlis Apresiasi PUSPANITA Cawangan BHEUU di Dewan Saksama BHEUU





# JABATAN BANTUAN GUAMAN

## VISI

Peneraju perkhidmatan bantuan guaman untuk memberi akses kepada keadilan

## MISI

Memberi perkhidmatan bantuan guaman yang berkualiti secara profesional kepada warganegara yang berkelayakan bagi menjamin akses kepada keadilan

## MOTO

“SEDIA BERKHIDMAT”

Keadilan merupakan prasyarat kepada negara dan rakyat yang maju dan berjaya. Oleh itu perkhidmatan bantuan guaman memainkan peranan yang sangat penting. Melalui perkhidmatan bantuan guaman yang dibiayai oleh dana awam, Kerajaan cuba memastikan bahawa tidak ada mana-mana orang yang mempunyai alasan yang munasabah untuk mengambil tindakan undang-undang dihalang dari mendapatkan keadilan hanya kerana mereka kurang kemampuan.

Sejarah telah menyaksikan perkembangan Jabatan Bantuan Guaman (JBG) daripada sebuah organisasi kecil pada tahun 1970 kepada sebuah jabatan besar yang kini mempunyai 22 cawangan di seluruh negara. Selama lebih 45 tahun, JBG telah melalui proses transformasi dalam pelbagai aspek, sesuai dengan keperluan semasa masyarakat.

Fungsi JBG sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] adalah seperti yang berikut:

i. Memberi khidmat nasihat guaman atas segala perkara (Bahagian V, Jadual Keempat)
ii. Mewakili atau memberi bantuan dalam prosiding di semua mahkamah dalam bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Jadual Kedua (bidang kuasa jenayah) dan Jadual Ketiga (bidang kuasa sivil)
iii. Memberi khidmat pengantaraan (Bahagian VA)
iv. Memberi khidmat pendamping guaman (Bahagian VB)

## NILAI TERAS BERSAMA WARGA JBG

Perkhidmatan bantuan guaman yang diberikan kepada golongan sasaran adalah berteraskan prinsip profesionalisme bagi memastikan keadilan dapat diperoleh melalui proses perundangan.

i. Integriti
ii. Profesional
iii. Responsif
iv. Kerja berpasukan
v. Kreatif & Inovatif
vi. Berorientasikan pelanggan

# CARTA ORGANISASI



1. Memastikan semua urusan di kaunter diberi layanan dalam tempoh tidak melebihi 15 minit.
2. Memastikan khidmat pengantaraan diselesaikan dalam tempoh 30 hari dari tarikh persetujuan kedua-dua pihak melalui proses pengantaraan.
3. Memastikan pliding disiapkan dalam tempoh:
   (a) Bagi kes yang tidak melalui proses pengantaraan, 30 hari dari tarikh penerimaan dokumen-dokumen yang lengkap
   (b) Bagi kes yang melalui proses pengantaraan, 21 hari dari tarikh sesi pengantaraan selesai
4. Memastikan kes difailkan ke Mahkamah dalam tempoh 14 hari selepas penyediaan pliding yang lengkap.
5. Memastikan perintah/penghakiman bersih diserahkan kepada pelanggan dalam tempoh 7 hari selepas ia diterima daripada Mahkamah.

## A. PENCAPAIAN JBG TAHUN 2018

JBG telah meninggalkan tahun 2018 dengan beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan. Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada perjalanan transformasi penambahbaikan bantuan guaman yang menjurus kepada bentuk perkhidmatan yang dapat membantu meningkatkan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Sebagai salah satu langkah untuk mempelbagaikan sumber kewangan JBG, Akaun Amanah yang diwujudkan pada Disember 2017 telah mengumpul dana sebanyak RM773,289.80 sehingga November 2018. Wang dari akaun ini diperoleh daripada kutipan fi pendaftaran, sumbangan orang dibantu dan kos pengendalian kes yang diperintah oleh mahkamah.

Jabatan ini juga telah mula menjalinkan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi mendapatkan kos pembiayaan kes-kes Syariah yang dikendalikan oleh JBG. Sebagai timbal balik, JBG telah memberikan bantuan guaman kepada pelanggan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan melalui perkhidmatan peguam panel JBG. Kes-kes yang layak akan diserahkan untuk dikendalikan oleh peguam panel dengan menggunakan wang pembiayaan yang disediakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Sebagai projek perintis, dana sebanyak RM165,000.00 telah disumbangkan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan bagi mengendalikan sebanyak 72 kes yang melibatkan pelanggan Baitulmal Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang akan mendapat faedah daripada kerjasama ini.

Dari aspek pengurusan kewangan pula, JBG telah berjaya menguruskan kewangan semasa Jabatan dengan cemerlang apabila JBG mencatat rekod tiada bayaran AP 58 bagi tahun 2018. Kejayaan ini membuktikan perancangan pengurusan kewangan tahun semasa JBG telah diuruskan dengan baik. Bagi pengendalian data HRMIS, sehingga 31 Disember 2018, JBG telah berjaya memastikan pelaksanaan semua modul-modul HRMIS mencapai KPI yang telah ditetapkan iaitu 100%. Manakala bagi tahun 2016 dan 2017, JBG sudah pun mencatatkan pencapaian 100% bagi pelaksanaan sistem HRMIS.





**Mesyuarat bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan pada 9 Oktober 2018**

Dalam meneruskan kecemerlangan dan tindakan transformasi berterusan, JBG telah merangka dan menyiapkan Pelan Strategik Jabatan Bantuan Guaman bagi tahun 2019 – 2023. Pelan Strategik ini merupakan kesinambungan daripada pelan strategik sebelumnya yang digubal untuk tahun 2014 – 2018. Perancangan strategi dan inisiatif di dalam Pelan Strategik ini telah diteliti secara terperinci bagi memastikan pelaksanaannya terus relevan dengan persekitaran semasa dan kehendak pelanggan/*stakeholders*.

Kejayaan ini sebagai satu lagi bukti kecemerlangan JBG dalam usaha memastikan JBG sebagai satu agensi peneraju perkhidmatan bantuan guaman untuk memberi akses kepada keadilan. Menerusi tiga teras strategik dan 28 program yang digariskan dalam Pelan Strategik JBG ini, ia mampu meningkatkan lagi keberkesanan JBG sepanjang tempoh lima tahun mendatang. Perancangan program yang dirancang

dalam Pelan Strategik ini adalah hasil gabungan idea, usaha dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak semasa Bengkel Pelan Strategik yang diadakan pada 23 hingga 25 Oktober 2018 di Hotel Tenera Bandar Baru Bangi, Selangor.

Berdasarkan kepada strategi dan program-program yang terkandung dalam Pelan Strategik ini, ia mampu memberi impak yang tinggi terhadap pengukuhan penyampaian perkhidmatan berterusan kepada pelanggan dan memenuhi aspirasi serta ekspektasi *stakeholder* JBG. Penerbitan Pelan Strategik JBG 2019 - 2023 ini akan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh warga JBG sebagai pelaksana dan dapat memberi panduan yang jelas kepada seluruh pegawai dan kakitangan untuk terus memberi perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan.





Bengkel Dokumen Pengurusan Pelan Strategik 2019-2023 di Hotel Tenera, Bandar Baru Bangi pada 23-25 Oktober 2018

## B. BAHAGIAN PEGUAM PANEL & PENDAMPING GUAMAN

Pada 1 Disember 2017, Jabatan Bantuan Guaman telah memperkenalkan khidmat pendamping guaman melalui pindaan Akta Bantuan Guaman (Pindaan) 2017. Selaras dengan pindaan tersebut, Bahagian Peguam Panel dan Pendamping Guaman telah menganjurkan beberapa siri kursus bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan berkenaan Perkhidmatan Pendamping Guaman kepada orang awam dan khasnya kepada pegawai JBG serta peguam swasta. Khidmat ini pada asasnya diperkenalkan untuk membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa atau penjaganya memahami situasi yang dihadapi dan hak mereka di sisi undang-undang. Siri kursus yang telah diadakan adalah seperti berikut:

i. Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dan Khidmat Pendamping Guaman Siri I pada 20 hingga 22 Februari 2019 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) Bandar Enstek. Peserta kursus adalah seramai 43 orang terdiri daripada Pegawai Undang-Undang dan Penolong Pegawai Undang-Undang.
ii. Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dan Khidmat Pendamping Guaman Siri II di Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP), Bangi pada 19 Mac 2018 Hingga 21 Mac 2018. Peserta kursus seramai 40 orang terdiri daripada Penolong Pegawai Undang-Undang JBG seluruh Malaysia.
iii. Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dan Khidmat Pendamping Guaman Siri III di Dewan Saksama, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang, Putrajaya pada 30 dan 31 Oktober 2019. Peserta terdiri daripada 29 peguam swasta yang beramal di seluruh Malaysia dan 2 peserta merupakan pegawai Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK).

Objektif kursus ini ialah bagi memberikan pendedahan dan pengetahuan kepada peserta dalam pelbagai aspek termasuk penyiasatan kes, pendakwaan kes, peranan pelindung dari aspek sosial dan hal-hal yang berkaitan dengan mangsa kanak-kanak.



*Perasmian Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-Kanak Dan Khidmat Pendamping Guaman Siri I*






Sesi pembentangan oleh peserta kursus



*Peserta kursus siri III bersama YBhg. Datuk Ketua Pengarah JBG*





Sesi perbincangan dalam kumpulan

## C. BAHAGIAN LITIGASI DAN NASIHAT SIVIL DAN SYARIAH

### 1. STATISTIK PENDAFTARAN KES, KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2018

### 1.1 PENDAFTARAN KES SIVIL

Sejumlah 3,355 kes sivil telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2018 yang terdiri daripada 3,001 (89.45%) kekeluargaan sivil dan 354 (10.55%) sivil pelbagai.

Daripada jumlah 3,001 tersebut, sebanyak 2,581 (86%) merupakan kes cerai, 325 (10.8%) kes jagaan, 27 (0.9%) nafkah, 43 (1.43%) kuat kuasa perintah nafkah, 4 (0.13%) mengubah perintah nafkah, 16 (0.53%) mengubah perintah jagaan, 2 (0.06%) kuat kuasa perintah jagaan serta 1 (0.03%) aset perkahwinan masing-masing. (Lihat Rajah 1).




Rajah 1 : Statistik Kekeluargaan Sivil

JBG Sarawak mencatatkan pendaftaran kes kekeluargaan sivil paling tinggi (383), diikuti JBG Perak (281) dan JBG Kuala Lumpur (263), manakala Langkawi dan Gua Musang mencatatkan pendaftaran kes kekeluargaan sivil terendah iaitu masing-masing 1 dan 3 kes. (Lihat Jadual 1).

| CAWANGAN | PENDAFTARAN | | | NASIHAT | |
|---|---|---|---|---|---|
| | KEKELUARGAAN | PELBAGAI | JENAYAH | SIVIL | JENAYAH |
| PERLIS | 36 | 2 | 14 | 242 | 20 |
| KEDAH | 529 | 4 | 259 | 467 | 22 |
| P. PINANG | 263 | 15 | 32 | 670 | 56 |
| PERAK | 254 | 23 | 73 | 955 | 148 |
| K. LUMPUR | 263 | 14 | 4 | 1,150 | 39 |
| SELANGOR | 224 | 20 | 0 | 1,456 | 44 |
| N. SEMBILAN | 111 | 18 | 2 | 468 | 24 |
| MELAKA | 110 | 28 | 3 | 445 | 43 |
| JOHOR | 134 | 9 | 4 | 1,802 | 121 |
| PAHANG | 77 | 5 | 17 | 285 | 41 |
| TERENGGANU | 16 | 29 | 5 | 110 | 47 |
| KELANTAN | 27 | 5 | 68 | 328 | 148 |
| SARAWAK | 383 | 4 | 3 | 1,266 | 74 |
| SABAH | 227 | 67 | 0 | 720 | 89 |
| LANGKAWI | 3 | 1 | 21 | 96 | 52 |
| TAIPING | 102 | 81 | 11 | 218 | 27 |
| MUAR | 186 | 5 | 0 | 546 | 25 |
| GUA MUSANG | 1 | 0 | 5 | 22 | 10 |
| RAUB | 61 | 22 | 0 | 136 | 5 |
| MIRI | 256 | 1 | 5 | 684 | 33 |
| SIBU | 158 | 1 | 0 | 426 | 18 |
| LABUAN | 5 | 0 | 0 | 77 | 16 |
| IBU PEJABAT | 0 | 0 | 0 | 297 | 26 |
| **JUMLAH** | **3,001** | **354** | **526** | **12,866** | **1,128** |

Jadual 1 : Khidmat Nasihat dan Pendaftaran Kes bagi kes Sivil dan Jenayah

Sebanyak 354 kes sivil pelbagai didaftarkan sepanjang tahun 2018. Kes pelbagai merangkumi surat tadbir pusaka 232 (65.54%), anggapan kematian 70 (19.77%), pengangkatan 34 (9.6%), harta pusaka kecil 8 (2.26%), kemalangan 4 (1.13%) dan sewa menyewa 6 (1.69%). (Lihat Rajah 2).

JBG Taiping mencatatkan pendaftaran kes sivil pelbagai paling tinggi (81) diikuti JBG Sabah (67) dan JBG Terengganu (29), manakala JBG Langkawi, Miri dan Sibu mencatatkan pendaftaran kes sivil pelbagai sebanyak (1) kes.




Rajah 2 : Statistik Pendaftaran Sivil Pelbagai

## 1.2 PENDAFTARAN KES JENAYAH

Sejumlah 526 kes jenayah telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 496 (94.3%) merupakan kes pengakuan salah dan 29 (5.5%) merupakan kesalahan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001 manakala 1 (0.2%) adalah di bawah Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 (Lihat Rajah 3).

JBG Kedah mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling tinggi (259) diikuti JBG Perak (73) dan JBG Kelantan (68), manakala JBG Negeri Sembilan mencatatkan pendaftaran kes jenayah paling rendah pada tahun 2018 dengan 2 kes didaftarkan. JBG Selangor, Sabah, Muar, Raub, Sibu dan Labuan pula tiada mencatatkan sebarang kes jenayah.




Rajah 3 : Statistik Pendaftaran Kes Jenayah

## 1.3 PENDAFTARAN KES SIVIL DAN JENAYAH MENGIKUT JANTINA

Daripada jumlah 3,355 kes sivil, 2,149 (64%) anak guam adalah perempuan dan baki 1,206 (36%) lelaki.

Daripada keseluruhan 526 kes jenayah yang didaftarkan, 476 (90.5%) anak guam lelaki dan baki 50 (9.5%) perempuan. (Lihat Rajah 4)




Rajah 4 : Pendaftaran kes Sivil dan Jenayah mengikut jantina

## 1.4 PENDAFTARAN KES SIVIL DAN JENAYAH MENGIKUT KAUM

Daripada jumlah 3,355 kes sivil yang didaftarkan, 171 (5.1%) kes melibatkan anak guam berbangsa Melayu, Cina 1,567 (46.7%), India 812 (24.2%) dan lain-lain bangsa sebanyak 805 (24%) kes.

Daripada 526 kes jenayah yang didaftarkan, 492 (93.5%) kes melibatkan anak guam bangsa Melayu, 12 (2.3%) Cina, 19 (3.6%) India dan 3 (0.6%) lain-lain bangsa. (Lihat Rajah 5)




Rajah 5 : Pendaftaran Kes mengikut kaum

## 1.5 PENYELESAIAN KES SIVIL BAGI TAHUN 2018

Pada tahun 2018, sebanyak 11,370 kes telah berjaya diselesaikan (termasuk kes yang didaftarkan sebelum tahun 2018). JBG Selangor mencatatkan penyelesaian kes paling tinggi dengan jumlah sebanyak 1,641 kes diikuti JBG Kedah (1,056 kes) dan JBG Terengganu (930 kes).

# STATISTIK PENDAFTARAN KES, KHIDMAT NASIHAT DAN PENYELESAIAN KES BAGI TAHUN 2018 (SYARIAH)

## PENDAFTARAN KES SYARIAH

Sejumlah 9,176 kes telah didaftarkan di Jabatan Bantuan Guaman seluruh Malaysia pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 57.7% merupakan kes kekeluargaan syariah yang merangkumi kes perceraian sebanyak 49.9%, nafkah sebanyak 17.5%, hak jagaan 14.6%, mutaah 6.4%, harta sepencarian 4.6%, mengubah perintah nafkah 2.4%, kuat kuasa perintah nafkah 1.8%, ubah perintah jagaan 0.7%, hibah 0.6%, kuat kuasa perintah jagaan 0.3%, kuat kuasa perintah harta sepencarian dan kuat kuasa perintah mutaah masing-masing 0.24%, hutang perkahwinan 0.17% dan gantirugi pertunangan sebanyak 0.02%. **(Rajah 12).**

JBG Terengganu mencatatkan pendaftaran kes syariah paling tinggi (663 kes), diikuti JBG Kelantan (659 kes) dan JBG Kedah (529 kes), manakala JBG Ibu Pejabat mencatatkan pendaftaran kes syariah terendah iaitu 15 kes. **(Jadual 1).**

**RAJAH 12**

Pendaftaran kes syariah tahun 2018



## KHIDMAT NASIHAT SIVIL

Sejumlah 28,456 nasihat guaman telah diberikan di seluruh Malaysia oleh Jabatan Bantuan Guaman pada tahun 2018. Daripada jumlah tersebut, 51% merupakan nasihat kes syariah yang merangkumi 49.6% kes dalam bidang kuasa JBG dan 1.1% kes luar bidang kuasa JBG. **(Rajah 13).**

JBG Johor mencatatkan jumlah khidmat nasihat syariah paling tinggi (1,817), diikuti JBG Kelantan (1,661) dan JBG Selangor (1,461), manakala JBG Gua Musang mencatatkan jumlah khidmat nasihat syariah terendah (127). **(Jadual 1).**



# JADUAL 1

| CAWANGAN | PENDAFTARAN KES KEKELUARGAAN SYARIAH | KHIDMAT NASIHAT SYARIAH |
|---|---|---|
| PERLIS | 36 | 266 |
| KEDAH | 529 | 1,386 |
| PULAU PINANG | 263 | 496 |
| PERAK | 254 | 662 |
| KUALA LUMPUR | 166 | 775 |
| SELANGOR | 249 | 1,461 |
| NEGERI SEMBILAN | 133 | 431 |
| MELAKA | 80 | 482 |
| JOHOR | 380 | 1,817 |
| PAHANG | 480 | 939 |
| TERENGGANU | 663 | 614 |
| KELANTAN | 659 | 1,661 |
| SARAWAK | 278 | 457 |
| SABAH | 240 | 507 |
| LANGKAWI | 63 | 215 |
| TAIPING | 169 | 217 |
| MUAR | 216 | 628 |
| GUA MUSANG | 43 | 127 |
| RAUB | 212 | 296 |
| MIRI | 79 | 170 |
| SIBU | 63 | 183 |
| LABUAN | 25 | 143 |
| IBU PEJABAT | 15 | 192 |
| **JUMLAH** | **5,295** | **14,125** |

## D. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

### 1. Perjawatan dan Personel

Sehingga 31 Disember 2018, peratus pengisian bagi semua kumpulan perkhidmatan di JBG adalah sebanyak 95% (452 jawatan berbanding keseluruhan bilangan perjawatan sebanyak 476 jawatan). Jadual di bawah menunjukkan kedudukan perjawatan, pengisian dan kekosongan mengikut kumpulan perkhidmatan.

| BIL | KUMPULAN PERKHIDMATAN | *P | *I | *K |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pengurusan Tertinggi | 2 | 2 | 0 |
| 2. | Pengurusan dan Profesional | 83 | 74 | 9 |
| 3. | Kumpulan Pelaksana (19-40) | 329 | 316 | 13 |
| 4. | Kumpulan Pelaksana (1-14) | 62 | 60 | 2 |
| | JUMLAH | 476 | 452 | 24 |

**Nota: *P = Perjawatan, *I = Isi, *K = Kosong**

### 2. Pencapaian HRMIS Sepanjang 2018

JBG berjaya memastikan pelaksanaan modul-modul HRMIS sehingga 31 Disember 2018 telah mencapai KPI yang telah ditetapkan seperti berikut:

| MAKLUMAT HRMIS | PENGEMASKINIAN DATA HRMIS (%) |
|---|---|
| Data Integriti | 100% |
| Data Sasaran Kerja Tahunan & Laporan Nilaian Prestasi Tahunan | 100% |
| Penamatan Perkhidmatan | 100% |
| Pengisytiharan Harta | 100% |

### 3. Pengiktirafan Jabatan Kepada Pegawai Sepanjang Tahun 2018

Jabatan Bantuan Guaman sentiasa menghargai sumbangan dan jasa bakti pegawai-pegawai yang berkhidmat dengan penuh dedikasi serta cemerlang dalam apa jua tugasan yang diberikan. Penghargaan ini diterjemahkan menerusi pengiktirafan jabatan seperti berikut:

a. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC);
b. Pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat; dan
c. Anugerah Pekerja Contoh Bulanan

### 3.1 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)

Berdasarkan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) 2018, seramai 36 orang pegawai/ kakitangan JBG telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2018 telah diadakan di Dewan Perdana, *Putrajaya International Convention Centre* pada 16-17 April 2018. Senarai penerima APC Tahun 2018 adalah seperti berikut:

| BIL | PENERIMA | JAWATAN/ GRED | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|---|---|---|---|
| 1. | NURSHUHADAH BINTI MOHD SHARIF | M44 | Khidmat Pengurusan |
| 2. | AKMALLUDDIN BIN ILYAS | LS44 | Kuala Lumpur |
| 3. | YONG SUK HUI | L44 | Miri |
| 4. | FARASYERIZA BINTI MD ZABANI | L44 (M) | Raub |
| 5. | MUHAMMAD MUSTAQIM BIN DARUS | LS41 | Kedah |
| 6. | MOHD ZULHANAN BIN AHMAD @ ZAHID | LS41 | Kelantan |
| 7. | ILLI MARISQA BINTI KHALIZAN | L41 | Melaka |
| 8. | ABD RASHID BIN SALKON | L38 | Selangor |
| 9. | YUSMAN BIN ABD RASJID | L38 | Langkawi |
| 10. | ASFANIZAN BINTI ABDUR RAZAK | N32 | Khidmat Pengurusan |
| 11. | IRENE ROBERT DAGAR | L32 | Sibu |
| 12. | MOHD SAIRUL HUSNA BIN ABDUL SATTAI | LS29 | Kelantan |
| 13. | NOOR ATIQAH BINTI IDRIS | L29 | Perak |
| 14. | JONG FOH T'SIN | L29 | Sarawak |
| 15. | RUSMAH BINTI MD SHAM | LS29 | Taiping |
| 16. | NURHIDAYAH BINTI DAHLAN | LS29 | Sabah |
| 17. | QAIRULAZHAR BIN ABDUL JALIL | FA29 (KUP) | Khidmat Pengurusan |
| 18. | NOOR AZIZAH BINTI SALIH | W22 | Khidmat Pengurusan |
| 19. | SITI HADIJAH BINTI IBRAHIM | N22 | Sabah |
| 20. | KHIFAZIMA BINTI MOHD YUSOFF | N22(TBK) | Perak |
| 21. | SAHAILA BINTI SARI | N22 (KUP) | Johor |

| BIL | PENERIMA | JAWATAN/ GRED | BAHAGIAN/ CAWANGAN |
|---|---|---|---|
| 22. | ZARITH AZURA BINTI TUKIMAN | LS22(TBK) | Muar |
| 23. | NORALINA BINTI ABDULLAH | LS19 | Gua Musang |
| 24. | IZYAN SYAZNI AIMA BINTI MOHD RUZLAN | N19 | Johor |
| 25. | NURUL ASHIKIN BINTI MURIZAM | L19 | Kedah |
| 26. | JUZAIDAH BINTI JALALUDDIN | N19 | Negeri Sembilan |
| 27. | SITI AMINAH BINTI YAHAYA | LS19 | Pahang |
| 28. | ROHANA BINTI MOHAMAD | N19 | Perlis |
| 29. | MOHD SHAHRIL BIN MOHD DARUS | L19 | Pulau Pinang |
| 30. | SARINA BINTI SHAHARI | W19 | Sarawak |
| 31. | ZAINAB BINTI MOHD | N19 | Terengganu |
| 32. | NOR FAIZAH BINTI CHE MD NATHIR | L19 | Terengganu |
| 33. | HISHAMMUDDIN BIN MOHAMAD | N11 | Khidmat Pengurusan |
| 34. | MOHAMAD HAIZAM BIN A RAHMAN | N11 | Kuala Lumpur |
| 35. | SARASWATHY A/P AYAPPAN | N11 | Pahang |
| 36. | ROHANA BINTI ISMAIL | N11 | Selangor |

### 3.2 Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat

Sehingga 31 Disember 2018, seramai 2 orang pegawai/ kakitangan JBG telah dikurniakan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat (DKBP) Persekutuan dan Negeri. Senarai penerima adalah seperti berikut:

| BIL | NAMA | JAWATAN/ GRED | PERSEKUTUAN / NEGERI | KATEGORI PINGAT |
|---|---|---|---|---|
| **1.** | **Puan Suhanisah binti Ali** | **PPUU/L32** | **Sarawak** | **Pingat Perkhidmatan Terpuji (P.P.T)** |
| **2.** | **Tuan Azahari bin Che Ishak** | **Penghantar Notis /N11** | **Perlis** | **Pingat Jasa Bakti (P.J.B)** |

### 3.3 Anugerah Pekerja Contoh Bulanan

Selaras dengan usaha untuk membudayakan kecemerlangan di kalangan penjawat awam, JBG telah mengiktiraf kecemerlangan pegawai/ kakitangan JBG menerusi Anugerah Pekerja Contoh Bulanan. Penerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan JBG adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan antaranya penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan dan prestasi kerja yang cemerlang pada bulan tersebut. Pada tahun 2018, seramai 16 pegawai telah menerima Anugerah Pekerja Contoh Bulanan seperti berikut:

| BIL | BULAN | PENERIMA | BAHAGIAN/CAWANGAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Januari | Azira binti Che Yusoff | Cawangan JBG Pulau Pinang |
| 2. | Februari | Mazlina binti Hussain | Ibu Pejabat |
| 3. | Februari | Shahira Parvin binti Dato' Abdul Aziz | Ibu Pejabat |
| 4. | Mac | Nur Suriati binti Mohamad | Cawangan JBG Kuala Lumpur |
| 5. | Mac | Muhammad Syahrir bin Muhamad Zahar | Cawangan JBG Pahang |
| 6. | April | Choo Hueay Ting | Cawangan Pulau Pinang |
| 7. | April | Mohd Saiful Neezam bin Othman | Cawangan JBG Pahang |
| 8. | Mei | Asfanizan binti Abdur Razak | Ibu Pejabat |
| 9. | Mei | Nor Faliza biniti Abdul Rashid | Cawangan JBG Pahang |
| 10. | Jun | Mohd Kamarulakmal bin Anuar | Ibu Pejabat |
| 11. | Jun | Siti Zaleha binti Mohd Salji | Ibu Pejabat |
| 12. | Julai | Nor Rahayu binti Othman | Cawangan JBG Muar |
| 13. | Julai | Suhaina binti Abdullah | Ibu Pejabat |
| 14. | Ogos | Badrul Hisyam bin Ghani | Cawangan JBG Pulau Pinang |
| 15. | September | Fauzi bin Mohd Husin | Cawangan JBG Kelantan |
| 16. | September | Mohd Nizam bin Azmi | Cawangan JBG Muar |
| 17. | November | Mohd Rifaudin bin Abd Wahab | Cawangan JBG Pahang |
| 18. | November | Ahmad Ikhzan bin Omar | Ibu Pejabat |
| 19. | Disember | Mohd Firdaus bin Mohd Zain | Cawangan JBG Kelantan |
| 20. | Disember | Azimah binti Mokhtar | Ibu Pejabat |

**4. Pelaksanaan Kursus/ Latihan sepanjang tahun 2018**

**4.1 Kursus Generik dan Fungsional JBG**

Sebanyak 3 kursus / latihan generik dan 4 kursus / latihan fungsional telah berjaya dilaksanakan oleh Jabatan Bantuan Guaman pada tahun 2018 melibatkan seramai 256 peserta manakala sejumlah 3 kursus / latihan kursus generik dan 8 kursus / latihan fungsional anjuran luar yang melibatkan 50 peserta telah dihadiri oleh warga JBG yang terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan.

**KURSUS/LATIHAN GENERIK ANJURAN DALAMAN JABATAN**

| BIL | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | KOS (RM) | BIL. HADIR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Pengurusan Fail dan Rekod | 3–5 April 2018 | 3,476.68 | 52 |
| 2 | Kursus Pegawai Keselamatan Jabatan dan Penolong Pegawai Keselamatan Jabatan | 2-4 Mei 2018 | 5,965.05 | 30 |
| 3 | Bengkel Pelan Strategik 2019-2023 | 23-24 Oktober 2018 | 33,882.00 | 30 |
| JUMLAH KURSUS/LATIHAN YANG DIANJURKAN | | | 43,323.73 | 112 |

**KURSUS / LATIHAN GENERIK ANJURAN JABATAN LUAR**

| BIL | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | KOS (RM) | BIL. HADIR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus *Adobe After Effects* | 4-5 April 2018 | 3,042.00 | 1 |
| 2 | Kursus PHP *Laveral Framework &* MYSQL | 23-26 April 2018 | 2,385.00 | 1 |
| 3 | Kursus Joomla | 24-26 Julai 2018 | 1,400.00 | 1 |
| JUMLAH KURSUS/LATIHAN YANG DIANJURKAN | | | 6,827.00 | 3 |

**KURSUS/LATIHAN FUNGSIONAL ANJURAN DALAMAN JABATAN**

| BIL | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | KOS (RM) | BIL. HADIR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak dan Khidmat Pendamping Guaman Siri 1 dan Program Pemukiman Pemantapan Kepimpinan JBG | 19-22 Februari 2018 | 21,432.86 | 40 |
| 2 | Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak dan Khidmat Pendamping Guaman Siri 2 | 19-21 Mac 2018 | 7,900.00 | 40 |
| 3 | Kursus Penyelarasan Perkhidmatan Bantuan Guaman - Pengantaraan | 26-28 September 2018 | 1,152.00 | 24 |
| 4 | Kursus Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak Dan Khidmat Pendamping Guaman Siri 3 | 30-31 Oktober 2018 | - | 40 |
| | JUMLAH KURSUS/LATIHAN YANG DIANJURKAN | | 30,484.86 | 144 |

**KURSUS/LATIHAN FUNGSIONAL ANJURAN JABATAN LUAR**

| BIL | KURSUS/LATIHAN | TARIKH | KOS (RM) | BIL. HADIR |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Tatacara Mencabar Kebolehpercayaan Saksi | 6-7 Februari 2018 | 30.00 | 1 |
| 2 | *Course On Eletronic Evidence* | 6-8 Februari 2018 | 30.00 | 1 |
| 3 | *Workshop On Strategy In Trials And Appeals* | 27 Februari-1 Mac 2018 | 30.00 | 1 |
| 4 | Kursus Kepeguaman Bantuan Guaman, Jabatan Bantuan Guaman | 6-8 Mac 2018 | 900.00 | 30 |
| 5 | *Course On Medico Legal For Legal Officers* | 16-19 April 2018 | 30.00 | 1 |
| 6 | *Course On The Law Relating To Sexual Crimes* | 16-19 Julai 2018 | 30.00 | 2 |
| 7 | Kursus Prosedur Permohonan Perceraian Islam Dan Bukan Islam Di Mahkamah | 28-29 Ogos 2018 | 300.00 | 10 |
| 8 | Kursus Penggunaan Bahasa Dalam Perundangan (Tatabahasa, | 04-06 September 2018 | 30.00 | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Peristilahan, Penterjemahan Dan Penyuntingan Terjemahan)** | | |
| | **JUMLAH KURSUS/LATIHAN YANG DIANJURKAN** | **1,380.00** | **47** |

### 4.2 Kehadiran Berkursus JBG

Bagi JBG keseluruhannya, sejumlah 177 orang (39.16%) telah menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari berkursus. Sejumlah 275 orang (60.84%) pula telah menghadiri sekurang-kurangnya 3 hari berkursus. Sepanjang tahun 2018, latihan dan kursus warga JBG telah mencapai 100% pematuhan dengan warga JBG menghadiri kursus sekurang-kurangnya 3 hari.

| BIL | GRED KUMPULAN | JUMLAH | KURSUS / LATIHAN | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | Bil. Anggota Yang Hadir ≥ 7 hari | | Bil. Anggota Yang Hadir 4 – 6 hari | | Bil. Anggota Yang Hadir 3 hari | | Bil. Anggota Yang Tidak Menghadiri Kursus | |
| | | | Bil. | % | Bil | % | Bil | % | Bil | % |
| 1 | JUSA | 2 | 2 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 2 | P & P Gred 54 | 1 | 1 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 3 | P & P Gred 52 | 6 | 6 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 4 | P & P Gred 48 | 9 | 9 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 5 | P & P Gred 44 | 16 | 16 | 100 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 6 | P & P Gred 41 | 42 | 35 | 83.34 | 7 | 16.66 | 0 | 0 | 0 | 0 |
| 7 | Pelaksana I | 316 | 103 | 32.60 | 175 | 55.38 | 38 | 12.02 | 0 | 0 |
| 8 | Pelaksana II | 60 | 5 | 8.33 | 31 | 51.67 | 24 | 40.00 | 0 | 0 |
| | JUMLAH | 452 | 177 | 39.16 | 213 | 47.12 | 62 | 13.72 | 0 | 0 |

## E. PENGURUSAN KEWANGAN

### 1. Perbelanjaan Mengurus 2018

Peruntukan mengurus Jabatan Bantuan Guaman yang telah diluluskan pada tahun 2018 adalah sebanyak **RM23,541,200.00.** Prestasi bajet mengikut agihan adalah seperti berikut:

| KOD & PENJENISAN PERBELANJAAN | PERUNTUKAN ASAL 2018 (RM) | PERUNTUKAN TERMASUK TAMBAHAN 2018 (RM) | PERBELANJAAN SEBENAR TAHUN 2018 (RM) |
|---|---|---|---|
| **Emolumen** | **20,909,200.00** | **0.00** | **22,128,371.69** |
| **Perkhidmatan Dan Bekalan** | **2,632,000.00** | **2,597,480.00** | **5,196,689.75** |
| **Pemberian Dan Bayaran Tetap** | **0.00** | **17,120.00** | **17,036.39** |
| **Perbelanjaan Lain** | **0.00** | **0.00** | **0.00** |
| **JUMLAH** | **23,541,200.00** | **25,650,300.00** | **27,497,512.23** |

### 2. Ringkasan Prestasi Proses Pembayaran Bil Sempurna Bagi Tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2018

Bagi tempoh sehingga 31 Disember 2018, sejumlah 4,185 bil telah didaftarkan mengikut tempoh masa seperti berikut:

| TEMPOH | BIL. DIDAFTARKAN | | BIL TELAH SEMPURNA BAYARAN | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **1.1.2018 Hingga 31.12.2018** | **Bil.** | **Nilai (RM)** | **Hari** | **Bil.** | **%** | **Nilai (RM)** | **%** |
| | | | ≤ 7 | 3,303 | 78.92 | 4661,894.96 | 86.15 |
| | 4,185 | 5,409,012.54 | 8-14 | 846 | 20.22 | 717,550.99 | 13.26 |
| | | | ≥14 | 36* | 0.86 | 31,730.95 | 0.59 |

** Sejumlah 36 bil melebihi 14 hari kerana kelewatan disebabkan oleh masalah sistem iGFMAS. Tiada Pembayaran melalui AP58 (a).*

## F. PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

JBG telah menerima sumbangan peralatan ICT daripada Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Perdana Menteri meliputi 25 unit komputer peribadi, 5 unit komputer riba dan 10 unit pencetak berwarna. Peralatan ICT tersebut telah dikonfigurasi dan diagihkan untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JBG Ibu Pejabat.

JBG juga telah melaksanakan perolehan Perkhidmatan Penyelenggaraan Pembaikan Peralatan ICT JBG dan Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 28 Disember 2018 kepada kontraktor yang berjaya. Kontrak bagi perkhidmatan ini akan berkuatkuasa mulai 15 Januari 2019 sehingga 14 Januari 2021.

## G. PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

**1. Koleksi Bahan Bacaan Perpustakaan Ibu Pejabat JBG Tahun 2018**

Sebanyak 7,276 naskah koleksi bahan bacaan yang terdapat di Perpustakaan JBG Ibu Pejabat. Tiada pembelian bahan bacaan baharu dibuat kerana tiada peruntukan kewangan diterima mulai tahun 2015 sehingga kini. Perpustakaan Ibu Pejabat hanya bergantung kepada langganan surat khabar dan majalah untuk bahan bacaan terkini bagi bacaan dan rujukan pengguna.

**JUMLAH KOLEKSI PERPUSTAKAAN SEHINGGA 2018**

| BAHAN | JUMLAH |
|---|---|
| Buku | 3,949 |
| Majalah | 1,739 |
| Buletin | 864 |
| Laporan Tahunan | 592 |
| Cakera Padat – Audio (CD) | 4 |
| Cakera Padat – Video (VCD/DVD) | 9 |
| Cakera Padat – (CD ROM) | 121 |
| Jumlah Koleksi | 7,278 |

**2. Jumlah Pengunjung Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat**




Seramai 747 orang pengunjung yang mengunjungi perpustakaan dicatatkan bagi bulan Januari sehingga Disember seperti rajah di atas.

**3. Pinjaman Bahan Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat**

Sebanyak 46 naskah bahan bacaan telah dipinjam untuk bacaan dan rujukan oleh pengguna.




**4. Naziran ke Perpustakaan Cawangan**

Sebanyak 4 naziran telah dijalankan pada tahun 2018. Tujuan naziran ini dilaksanakan adalah bagi memantau pengendalian bahan-bahan di perpustakaan cawangan supaya mengikut piawaian yang telah ditetapkan serta memastikan penyusunan, perkhidmatan pinjaman dan pemulangan bahan bacaan dilaksanakan dengan teratur.

| CAWANGAN JBG | TARIKH |
|---|---|
| JBG Muar | 28 Februari 2018 |
| JBG Kuala Lumpur | 12 Mac 2018 |
| JBG Pahang | 14 Mei 2018 |
| JBG Perak | 19 September 2018 |

**5. Latihan Pangkalan Data Lexis Nexis**

Sebanyak 5 kali latihan pangkalan data Lexis Nexis diadakan di cawangan JBG bagi memberi bimbingan serta tatacara penggunaan pangkalan data tersebut dengan lebih berkesan.

| CAWANGAN JBG | TARIKH |
|---|---|
| JBG Pahang | 12 Februari 2018 |
| JBG Muar | 12 Mac 2018 |
| JBG Taiping | 9 April 2018 |
| JBG Labuan | 7 Mei 2018 |
| JBG Kuala Lumpur | 16 Julai 2018 |

## 6. Laporan Transaksi Penggunaan Pangkalan Data Lexis Nexis

Sebanyak 1,205 peningkatan transaksi yang telah digunakan oleh pengguna di setiap cawangan bagi tahun 2018 dengan jumlah keseluruhan ialah 6,350 transaksi.

| ZON/ CAWANGAN | JAN | FEB | MAC | APR | MEI | JUN | JUL | OGS | SEP | OKT | NOV | DIS | JUMLAH TRANSAKSI |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| ZON TENGAH - Putrajaya, KL & Selangor | 99 | 58 | 78 | 152 | 69 | 16 | 60 | 83 | 244 | 278 | 46 | 111 | 1,294 |
| ZON TIMUR - Kelantan, Pahang, Terengganu, Raub & Gua Musang | 119 | 80 | 12 | 30 | 73 | 26 | 32 | 28 | 18 | 64 | 38 | 3 | 523 |
| ZON SELATAN - Johor, Negeri Sembilan, Melaka & Muar | 71 | 47 | 237 | 252 | 138 | 87 | 302 | 160 | 261 | 196 | 286 | 293 | 2,330 |
| ZON UTARA - Kedah, Perak, Pulau Pinang, Perlis, Taiping & Langkawi | 183 | 48 | 99 | 196 | 164 | 168 | 268 | 252 | 57 | 80 | 65 | 73 | 1,653 |
| ZON SABAH DAN SARAWAK - Sabah, Labuan, Miri, Sarawak & Sibu | 63 | 53 | 11 | 74 | 30 | 39 | 82 | 158 | 6 | 8 | 19 | 7 | 550 |
| JUMLAH/ BULAN | 535 | 286 | 437 | 704 | 474 | 336 | 744 | 681 | 586 | 626 | 454 | 487 | 6,350 |

## 7. Aktiviti Perpustakaan Jabatan Bantuan Guaman Ibu Pejabat

| 19 Oktober 2018 |
|---|
| **Pertandingan Mencari Harta Karun Di Perpustakaan JBG** |













## H. PROGRAM PROMOSI JBG 2018

Sebanyak 192 program kesedaran masyarakat telah dijalankan di seluruh Malaysia yang merangkumi program Klinik Bantuan Guaman JBG, ceramah/ penerangan undang-undang, penjara/ pusat tahanan kanak-kanak, pusat khidmat setempat dan media massa/ radio.

### i. STATISTIK PROGRAM KESEDARAN MASYARAKAT 2018

Jumlah Kekerapan Program Kesedaran Masyarakat JBG
Mengikut Negeri Bagi Tahun 2018




Rajah 17

Statistik di rajah 17 menunjukkan jumlah program kesedaran masyarakat mengikut negeri bagi tahun 2018. JBG Perak mencatatkan jumlah program tertinggi iaitu sebanyak 22 program, diikuti oleh JBG Kedah iaitu sebanyak 18 dan JBG Kelantan iaitu sebanyak 16 program.

Jumlah Kekerapan Program Kesedaran Masyarakat JBG

Mengikut Kategori Program Bagi Tahun 2018




Rajah 18

Statistik di rajah 18 menunjukkan jumlah program kesedaran masyarakat mengikut kategori. Kategori Klinik Bantuan Guaman JBG mencatatkan jumlah program tertinggi iaitu sebanyak 143 program (74%). Ceramah/Penerangan Undang-Undang mencatatkan jumlah kedua tertinggi iaitu sebanyak 36 program (18%) manakala Penjara/Pusat Tahanan Kanak-Kanak mencatatkan jumlah ketiga tertinggi iaitu 10 program (5%). Program Media Massa/Radio pula mencatatkan jumlah kedua terendah iaitu sebanyak 3 program (1.5%). Pusat Khidmat Setempat dimana tiada program diadakan sepanjang tahun 2018 (0%).

**(a) Program Kesedaran Masyarakat oleh Cawangan JBG Seluruh Malaysia**





Jabatan Bantuan Guaman (JBG) dengan kerjasama Persatuan Ibu Tunggal Shah Alam (PITSA) telah menganjurkan Program Literasi Undang-Undang bertempat di Dewan Anggerik, Aras 3, Bangunan UBSA, Seksyen 11, Shah Alam







Klinik Guaman JBG oleh Jabatan Bantuan Guaman Perlis bertempat di Pusat Transformasi Bandar (UTC) Perlis

## JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

# MdI

## VISI

Menjadi peneraju pengurusan insolvensi melalui pentadbiran, perkhidmatan dan penguatkuasaan yang efisien dan dinamik

## MISI

Menguruskan hal ehwal insolvensi dengan integriti, saksama dan profesional untuk menjaga dan mengimbangi kepentingan pelanggan bagi meminimumkan impak kegagalan pengurusan kewangan

## MOTO

"MdI BERGERAK DAN TERUS MARA"

# PENGURUSAN TERTINGGI




Datuk Abdul Rahman Putra bin Dato' Haji Taha
Ketua Pengarah Insolvensi
April 2016 – Mac 2018




Dato' Anas Saifuddin bin Jaafar
Ketua Pengarah Insolvensi
Mac – Nov 2018



Dato' Anas bin Ahmad Zakie
Ketua Pengarah Insolvensi
1.12.2018 – Kini




Datuk Meor Hashimi bin Abdul Hamid
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
2013 – 30.3.2018



Puan Norliza binti Zulkifli
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
2.5.2018 – Kini




Dato' Mat Aron bin Deraman
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
25.9.2012 – 28.4.2018



Encik Ahmad Zaini bin Zaba'ai
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)
April – Kini

## PENGARAH BAHAGIAN/KETUA UNIT



Encik Wan Zainul Azamin bin Khamid@Abd Majid
Pengarah Insolvensi
Bahagian Kebankrapan



Encik Mohd Suhairy bin Zakaria
Pengarah Insolvensi
Bahagian Likuidasi



Puan Nahra binti Dollah
Pengarah Insolvensi
Bahagian Kajian Dan Penyelidikan Perundangan



Puan Jean Sharmila
Pengarah Insolvensi
Bahagian Penyiasatan Dan Penguatkuasaan



Puan Norina binti Zainol Abidin
Pengarah Insolvensi
Bahagian Mahkamah



Puan Zarita binti Dato' Zainol Abidin
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan



Encik Abu Syaiful Kyairi
bin Abu Hassan
Pengarah
Bahagian Teknologi
Maklumat



Encik Mohd Khairil Izwan
bin Ahmad
Pengarah
Bahagian Perakaunan



Encik Zakariya bin Nayan
Ketua Unit Penilaian



Encik Farouk Shaffrizal
bin Othman
Pengarah Unit Integriti

## JABATAN INSOLVENSI MALAYSIA

## PENGENALAN

Sebagaimana saranan Kerajaan agar Kementerian, Jabatan dan Agensi mewujud dan mendokumenkan Pelan Strategik jangka panjang, sederhana dan pendek, Jabatan Insolvensi Malaysia telah menyediakan Pelan Strategik 2016-2020 yang merupakan kesinambungan daripada Pelan Hala Tuju Strategik 2010-2014 yang lalu.

Pelan Strategik ini menyediakan rangka dasar, hala tuju dan bidang fokus MdI bagi melaksanakan agenda pemodenan dan transformasi sistem penyampaian perkhidmatannya untuk tempoh lima tahun bermula tahun 2016 hingga 2020. Untuk memenuhi hasrat ini, MdI membuat transformasi yang melibatkan pindaan Visi, Misi dan Piagam Pelanggan supaya lebih relevan dengan perubahan semasa dan dapat membawa pencapaian MdI sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi serta bertaraf dunia.

Dalam Pelan Strategik Jabatan Insolvensi Malaysia 2016-2020, Nilai Teras iaitu Akauntabiliti, Integriti, Kerja Berpasukan, Inovatif dan Profesional. AIKIP merupakan singkatan bagi Nilai Teras tersebut. Pelan Strategik Jabatan Insolvensi Malaysia 2016-2020 memfokuskan kepada transformasi perkhidmatan MdI supaya menjadi sebuah agensi terunggul dan bertaraf dunia dalam pengurusan insolvensi menjelang tahun 2020. Pelan Strategik MdI 2016-2020 merupakan pelan petunjuk yang memacu komitmen pengurusan dan warga MdI dalam menjadikan MdI sebagai jabatan Kerajaan yang dinamik dan cemerlang dalam tadbir urus Jabatan

Pelan Strategik MdI 2016-2020 ini, secara tersusun mengandungi panduan bagi pengurusan dan warga MdI untuk: -

- Memetakan hala tuju yang jelas untuk masa depan MdI;
- Menyediakan satu kerangka tindakan yang terancang berasaskan perlaksanaan dan pemantauan yang sistematik; dan
- Mengoptimumkan keberkesanan sistem dalam pengurusan dan pentadbiran insolvensi.

Pada tahun 2018, beberapa program utama yang berteraskan kepada Pelan Strategik MdI 2016-2020 telah dilaksana antaranya mengukuhkan lagi Portal E-Insolvensi, penganjuran Program Jelajah Desa di semua cawangan MdI dan beberapa siri taklimat kebankrapan kepada agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Secara ringkasnya, perlaksanaan teras-teras strategik di bawah Pelan Strategik MdI 2016-2020 yang ditambah baik pada tahun ini diyakini dapat memacu komitmen pengurusan dan warga MdI ke arah mencapai matlamat untuk menjadi sebuah agensi terulung dan bertaraf dunia dalam pegurusan insolvensi menjelang 2020.

## 1. PEREKAYASAAN BERTERUSAN PENTADBIRAN HAL EHWAL KEBANKRAPAN UNTUK MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN

### 1.1 Pendaftaran Kes Kebankrapan

Pada tahun 2018 sebanyak **27,801** Petisyen Pemiutang telah difailkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak **16,482** kes telah mendapat Perintah Kebankrapan.

Gambar Rajah 1-: Jumlah Petisyen Pemiutang dan Perintah Kebankrapan Tahun 2018



Gambar Rajah 2: Jumlah Perintah Kebankrapan Tahun 2018 Mengikut Cawangan




Gambar Rajah 3: Purata Petisyen Pemiutang Dan Individu Bankrap Dalam Sehari Pada Tahun 2018



## 1.2 Kebankrapan Mengikut Sebab Keberhutangan

Pada tahun 2018 peratus tertinggi mengikut sebab keberhutangan ialah bagi kategori pinjaman peribadi iaitu sebanyak 4,636 kes atau 28.13 peratus.

Jadual 1: Jumlah Kebankrapan Mengikut Sebab Kebankrapan Bagi Tahun 2018

| KATEGORI KEBANKRAPAN | JUMLAH | PERATUS |
|---|---|---|
| PINJAMAN PERIBADI | 4,636 | 28.13 |
| SEWA BELI KENDERAAN | 3,392 | 20.58 |
| PINJAMAN PERUMAHAN | 1,982 | 12.03 |
| HUTANG KAD KREDIT | 1,811 | 10.99 |
| KEBERHUTANGAN YANG LAIN | 1,770 | 10.74 |
| PINJAMAN PERNIAGAAN | 1,424 | 8.64 |
| PENJAMIN KORPORAT | 626 | 3.80 |
| PENJAMIN SOSIAL | 540 | 3.28 |
| HUTANG CUKAI PENDAPATAN | 275 | 1.67 |
| BIASISWA / PINJAMAN PELAJARAN | 26 | 0.16 |
| **JUMLAH** | **16,482** | **100.00** |

## 1.3 Bankrap Mengikut Kategori Pekerjaan

